

BERKENAN MENINJAU HMAS YARRA, HOLSWORTHY BARRACKS

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai semasa tinjauan ke His Majesty's Australian Ship (HMAS) Yarra. - Foto : Australian Government Department of Defence.



■ **Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

Perdana Menteri meneruskan lagi Lawatan Rasmi ke Australia dengan berangkat membuat tinjauan ke His Majesty's Australian Ship (HMAS) Yarra serta Holsworthy Barracks, petang tadi.

>> Muka 3

SYDNEY, AUSTRALIA, Jumaat, 14 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan

Penandatanganan kontrak memperkukuh infrastruktur tenaga negara

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak bagi Projek Pembinaan Stesen Janakuasa Bukit Panggal Combined Cycle Gas Turbines Fasa 2 bersama Sinohydro Corporation Limited dari Republik Rakyat China yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat bersama Majlis Penandatanganan Kontrak berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Hulan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 9

5 penuntut cemerlang terima biasiswa lanjutkan pengajian

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Penganugerahan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PT ABDB) kepada empat penuntut cemerlang, manakala seorang lagi penuntut cemerlang dianugerahkan Biasiswa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)

bagi Tahun 2026.

Kelima-lima penerima biasiswa tersebut akan melanjutkan pengajian sebagai persediaan untuk menceburi kerjaya dalam perkhidmatan awam atau ketenteraan di Kementerian Pertahanan.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian dan Penganugerahan Biasiswa PT ABDB dan Biasiswa ABDB bagi Tahun 2026 telah berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, hari ini.

>> Muka 7

Alunan dikir Maulidur Rasul bergema di Istana Nurul Iman

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kini bermula dengan pembukaan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi selama 12 malam berturut-turut mulai malam tadi.

>> Muka 8



Berita Utama



MESYUARAT tekankan kepentingan sistem kesihatan berdaya tahan, mampan

Muka 11



KONGSI amalan terbaik membanteras jenayah dadah

Muka 12



KUNJUNGAN memperkukuhkan kerjasama penjagaan kesihatan antarabangsa

Muka 19



MENSYUKURI kejayaan yang diraih

Muka 27



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Kali Ke-38 pada Selasa, 11 Ogos 2026, di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam Negara Brunei Darussalam.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillaahir Rahmaanir Raheem,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita

bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali-38 Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada pagi ini.

Beta dengan amat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Kejayaan ini tentunya merupakan hasil usaha serta doa para ibu bapa yang tidak berpenghujung.

Sejak penubuhannya, UBD sentiasa berazam: 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'. Azam ini merupakan tujuan sebenar pendidikan tinggi, bukan sekadar untuk

UBD perlu terus menjadi peneraju pendidikan tinggi era digital

melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik tetapi juga membentuk insan yang berakhlak mulia, pemikir dan berintegriti. Inilah matlamat yang tidak pernah berubah, walaupun dunia sentiasa mengalami perubahan.

Pada hari ini, pendidikan turut berhadapan dengan perkembangan pesat Kecerdasan Buatan (AI). AI telah turut mengubah cara belajar, cara bekerja dan cara membuat keputusan. Pada hemat Beta, universiti tidak cukup sekadar melahirkan graduan yang mahir AI. Tetapi lebih penting graduan yang mempunyai kebolehan menggunakan teknologi secara berhemah dan bertanggungjawab, mengutamakan nilai, adab dan perhitungan matang.

Bagaimanapun, mengenai teknologi Beta menyambut baik pelancaran UBD Digital Transformation Blueprint sebagai hala tuju universiti dalam mentransformasikan pengajaran, penyelidikan dan tadbir urus melalui teknologi digital. Tetapi Beta mahu UBD biarlah benar-benar menjadi peneraju dalam perubahan ini. Jadikanlah platform digital ini sebagai pemudahcara dalam menjelmakan matlamat sebenar iaitu melahirkan graduan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi.

Dalam pada itu perlu pula diingat, bahawa kecemerlangan akademik sahaja tidak akan ada ertinya jika akhlak rendah atau rosak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah Hadis sahih riwayat Al-Bukhari, Baginda bersabda maksudnya: "Sesungguhnya orang yang terbaik dalam kalangan kamu ialah mereka yang paling baik akhlaknya".

Atas kesedaran inilah, Beta mengalu-alukan usaha UBD melaksanakan Kurikulum GenBESTARI mulai September tahun ini. GenBESTARI bukan sekadar pembaharuan kurikulum, tetapi adalah satu pendekatan untuk melahirkan graduan yang seimbang, berilmu, berakhlak, berdaya tahan, celik digital dan sentiasa bersedia untuk terus belajar sepanjang hayat. Beta mahu kejayaan GenBESTARI tidak hanya diukur melalui bilangan program yang dilaksanakan, tetapi perkembangan pola fikir dan peningkatan nilai insaniah setiap graduan mestilah juga diambil kira.

Selari pembaharuan ini, Beta menghargai usaha gigih UBD dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui bimbingan kerjaya dan latihan industri yang komprehensif sebagai langkah proaktif untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Begitulah hendaknya, Institusi Pengajian Tinggi di negara ini hendaklah terus memperkasa kolaborasi strategik dengan pihak industri serta sentiasa responsif dalam menyesuaikan program akademik dengan keperluan pasaran kerja.

Dengan persekitaran yang aman, stabil dan menjunjung tinggi nilai-nilai Islam, maka negara ini mempunyai keunikan tersendiri yang mampu untuk menarik pelajar dari seluruh dunia. Inilah jenama Brunei yang perlu kita pameran kepada dunia. UBD adalah nadi kepada jenama ini. Kehadiran pelajar antarabangsa adalah turut memperkukuh reputasi UBD.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	2	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
16	AHAD	3	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
17	ISNIN	4	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.40	6.33	7.44
18	SELASA	5	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.32	7.43
19	RABU	6	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.39	6.32	7.43
20	KHAMIS	7	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.32	7.42
21	JUMAAT	8	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.38	6.31	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	32 26 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 15 OGOS 2026

Berselawat adalah doa dan sanjungan kita buat Rasulullah

UMAT Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal. Di Negara Brunei Darussalam, kita juga tidak ketinggalan turut menyemarakkan sambutan ini dengan pelbagai acara keagamaan yang diatur rapi.

Antara acara yang menjadi tradisi ialah negara akan memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan laungan Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadah di seluruh negara. Di samping itu, majlis ceramah keagamaan, forum ilmiah dan acara kemuncak Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara turut dilangsungkan dengan penuh penghayatan. Segala usaha dan kegiatan kita ini merupakan tanda kecintaan dan penghormatan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, kita sebagai umat Islam sudah selayaknya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikuti dan mematuhi sunnah yang dibawa oleh Baginda. Antara tanda cinta dan kasih yang boleh kita zahirkan adalah dengan membasahi lidah memperbanyakkan selawat ke atas Baginda.

Agama kita menuntut umatnya supaya mengingati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan berselawat kerana berselawat merupakan doa dan sanjungan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatnya berselawat kepada nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan.

Sesungguhnya selawat daripada Allah bererti rahmat dan kerediaan-Nya untuk Baginda, selawat daripada malaikat bererti doa dan memohonkan ampun untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

Oleh yang demikian, perbanyakkanlah berselawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam kerana amalan berselawat tidaklah terhad pada waktu, bulan atau musim tertentu sahaja. Selawat ke atas Baginda adalah perkara besar, perkara agung, perkara yang tidak boleh dipandang ringan oleh kita selaku umat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia merupakan ikutan yang menghubungkan seorang Mukmin dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bagi menterjemah perasaan kecintaan, kerinduan dan kasih sayang terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sama-samalah kita membasahi lidah kita dengan memperbanyakkan selawat kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, mudah-mudahan selawat yang kita amalkan dengan rasa kasih sayang itu kita akan beroleh syafaat daripada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak, Amin Ya Rabbal Alamin. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MELAWAT WESTERN SYDNEY UNIVERSITY AGRITECH PRECINCT




Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Nur Hafilah
Pg. Osman, Australian Government Department of Defence



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat melawat ke Western Sydney University Agritech Precinct dan seterusnya dijunjung untuk sesi bergambar ramai dan berkenan menerima sembah penerangan (atas kiri dan atas kanan).

SYDNEY, AUSTRALIA, Jumaat, 14 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda



Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri meneruskan Lawatan Rasmi ke Australia, hari ini, dengan berangkat melawat ke Western Sydney University Agritech Precinct dan tinjauan ke His

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima sembah penerangan.

Majesty's Australian Ship (HMAS) Yarra serta Holsworthy Barracks.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula mengadakan lawatan ke Western Sydney University Agritech Precinct di Hawkesbury Campus bagi demonstrasi agritech.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Deputy Vice - Chancellor, Western Sydney University, Profesor Ian Anderson dan Pengarah Hawkesbury Institute for the Environment, Profesor Mark

Tjoelker.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat melawat Smart Glasshouse dan mendengar sembah penerangan daripada Profesor Mark Tjoelker mengenai fungsi Smart Glasshouse dalam menjamin keselamatan makanan melalui penggunaan teknologi terkini (*agritech*) dan menjana peluang kerjasama serantau serta menyaksikan demonstrasi penggunaan teknologi agritech termasuk tunjuk cara robotik.

Semasa keberangkatan tersebut, DYTMM berkenan berinteraksi bersama dua penuntut Western Sydney University.

Berkenan meninjau HMAS Yarra, Holsworthy Barracks



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat meninjau HMAS Yarra dan melawat Holsworthy Barracks serta menyaksikan beberapa demonstrasi *special forces* (kiri, atas kanan dan kanan).

pemburu periu api yang penting dalam strategi pertahanan Australia.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat melawat Holsworthy Barracks dan menyaksikan beberapa demonstrasi *special forces*.



>> Muka 1

Semasa tinjauan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke HMAS Waterhen untuk membuat tinjauan ke HMAS Yarra yang merupakan sebuah kapal pesisir

BERANGKAT MENINGGALKAN CANBERRA, AUSTRALIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat meninggalkan Canberra bagi meneruskan keberangkatan Lawatan Rasmi di Sydney, Australia. Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

CANBERRA, AUSTRALIA, Khamis, 13 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat meninggalkan Canberra bagi meneruskan keberangkatan Lawatan Rasmi di Sydney, Australia.

Berangkat mengiringi Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat meninggalkan Canberra, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Hadir di RAAF Base Fairbairn bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia ialah Assistant Secretary, Southeast Asia Branch, Department of Defence, Puan Alanna Mackay.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Sydney dijunjung oleh State Director, New South Wales State Office, Department of Foreign Affairs and Trade Australia, Puan Andrea Gleason.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat tiba di Lapangan Terbang Sydney dan dijunjung oleh State Director, New South Wales State Office, Department of Foreign Affairs and Trade Australia, Puan Andrea Gleason (bawah).



Berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Governor-General of Australia



CANBERRA, AUSTRALIA, Khamis, 13 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pada sebelah petang berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Governor-General of Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Sam Mostyn AC, yang diadakan di Government House, Canberra.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri

Pengiran Anak Sarah dialu-alukan oleh Puan Yang Terutama Governor-General of Australia.

Ini adalah perjumpaan kali pertama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia bersama Puan Yang Terutama Governor-General of Australia.

Semasa perjumpaan tersebut, Puan Yang Terutama menyatakan rasa kagum atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta menyebarkan sembah ucapan tahniah sempena sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta menjelang tahun 2027. Kedua-dua pihak mengalu-alukan hubungan kerjasama dua hala yang sangat baik di antara kedua buah negara, terutama sekali dalam bidang

pendidikan dan pertahanan. Duli Yang Teramat Mulia juga mengalu-alukan lebih ramai pelancong Australia untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam semasa Visit Brunei Year 2027 ke arah meningkatkan lagi kerjasama pelancongan dan pertukaran antara rakyat.

Selepas Majlis Perjumpaan, Duli Yang Teramat Mulia dan

Yang Teramat Mulia berkenan berangkat bersama Puan Yang Terutama menaiki kenderaan khas untuk menyaksikan *kangaroo* di persekitaran Government House.

Sebelum berangkat

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Governor-General of Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Sam Mostyn AC (kiri dan kiri sekali).

meninggalkan Government House, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia disebarkan dengan ucapan selamat berangkat oleh Puan Yang Terutama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat bersama Puan Yang Terutama menaiki kenderaan khas untuk menyaksikan *kangaroo* di persekitaran Government House.

MEMASTIKAN HUBUNGAN KERJASAMA DUA HALA DIPERKUKUH DALAM MENGHADAPI CABARAN GEOPOLITIK

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Welcome to Country di Parliament House dan seterusnya berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Bersama Menteri Luar Negeri Australia, Senator The Honourable Penny Wong (atas dan atas kanan).

CANBERRA, AUSTRALIA, Khamis, 13 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Welcome to Country di Parliament House.

Di Courtyard, Parliament House, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri dan

Menteri Pertahanan Australia, The Honourable Richard Marles MP, bagi Majlis Welcome to Country.

Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Aunty Serena Williams, seorang Elder. Ini diikuti dengan *smoking ceremony*, iaitu budaya tradisi Aboriginal yang mempromosi perlindungan dan kesejahteraan para peserta majlis.

Selepas Majlis Welcome to Country, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Bersama Menteri Luar Negeri Australia, Senator The Honourable Penny Wong, yang juga diadakan di Parliament House.

Semasa perjumpaan berkenaan, DYTMM berkenan mengurniakan sabda bahawa Australia adalah sahabat dan rakan kongsi yang dipercayai melalui Perkongsian Komprehensif di dalam bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

DYTMM seterusnya bersabda bahawa komitmen kedua-dua buah negara di bawah Kenyataan Bersama Mengenai Keselamatan Tenaga dan Makanan akan terus memastikan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara akan terus kukuh dalam menghadapi cabaran-cabaran geopolitik.

Senator The Honourable Menteri Luar Negeri Australia dalam sembahnya juga mengalu-alukan Kenyataan Bersama berkenaan, dan menekankan kepentingan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai rakan kongsi yang penting dalam memastikan rantai bekalan tenaga dan makanan yang berdaya tahan.

DYTMM juga mengalu-alukan lebih banyak pelabur Australia ke NBD dan juga menyentuh mengenai potensi kerjasama yang dapat diterokai melalui Southeast Asia Economic Strategy 2040 dan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, The Honourable Richard Marles MP.



Wawasan Brunei 2035. Kedua-dua belah pihak turut menyatakan rasa puas hati mengenai kerjasama maritim, terutama sekali melalui program-program pembangunan kapasiti.

Seterusnya, DYTMM berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, The Honourable Richard Marles MP, bertempat di Pejabat Timbalan Perdana Menteri Australia.

Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP, turut meluangkan masa hadir ke Majlis Santap berkenaan untuk berinteraksi bersama DYTMM.



Berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga dan seterusnya berkenan berangkat melawat galeri Perang Dunia II di Memorial berkenaan (atas kiri dan atas kanan).

CANBERRA, AUSTRALIA, Khamis, 13 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga, bertempat di Australian War Memorial, Canberra.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Acting Director of Australian War Memorial, Tuan Wayne Hitches; dan Head of Military History, Dr. Karl James.

Duli Yang Teramat Mulia

kemudiannya berkenan meletakkan kalungan bunga di Tomb of the Unknown Australian Soldier di memorial tersebut.

DYTMM seterusnya berkenan berangkat melawat galeri Perang Dunia II di Memorial berkenaan.


Australian War Memorial

menempatkan tugu peringatan muzium dan arkib bagi memperingati jasa rakyat Australia yang terkorban semasa peperangan atau operasi pertahanan, dan kepada mereka yang berkhidmat semasa pertempuran.



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Admiral Mark Hammond AO RAN, Chief of the Australian Defence Force dan isteri (kanan dan kanan sekali).



CANBERRA, AUSTRALIA, Rabu, 12 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Admiral Mark

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Australian Government Department of Defence

Hammond AO RAN, Chief of the Australian Defence Force dan isteri.

Majlis tersebut diadakan di kediaman rasmi Chief of the Australian Defence Force.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta kerabat diraja berangkat tiba di Canberra, Australia.

CANBERRA, AUSTRALIA, Rabu, 12 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda


Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab.

Berangkat tiba di Canberra, Australia

Rahaman hari ini berangkat tiba di Canberra, Australia bagi Lawatan Rasmi selama empat hari bermula pada 12 hingga 15 Ogos 2026, atas undangan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, The Honourable Richard Marles MP.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia di RAAF Base Fairbairn dijunjung oleh Strategic Advisor for Defence and Security, Mejar Jeneral (B)



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

Andrew Freeman; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy; dan Assistant Minister di Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Australia, The

Honourable Matt Thistlethwaite. Juga berada di RAAF Base Fairbairn ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Australia, Puan Yang Terutama Dayangku Nooraslena binti Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin.

Berkenan berangkat ke Canberra, Australia bagi Lawatan Rasmi

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Canberra, Australia. Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan dan kanan sekali). Manakala gambar bawah kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.



Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, hari ini, berkenan berangkat ke Canberra, Australia bagi Lawatan Rasmi selama empat hari bermula pada 12 hingga 15 Ogos 2026.

Berangkat dan hadir ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM.

Juga berangkat mengiringi ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut berangkat dan hadir ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis DYTM dan YTM ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria; Menteri-Menteri Kabinet; Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-Setiausaha Tetap daripada Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan berserta pasangan masing-masing.



RIMBA, Rabu, 12 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti

5 PENUNTUT CEMERLANG TERIMA BIASISWA LANJUTKAN PENGHAJIAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil biasiswa dan cenderamata kepada salah seorang penerima (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 1

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil biasiswa dan cenderamata kepada penerima - penerima Biasiswa PT ABDB dan Biasiswa ABDB, di sini.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, pengarah-pengarah, pegawai - pegawai kanan Kementerian Pertahanan,

Ahli-Ahli Badan Penilaian Biasiswa 2026 serta ibu bapa dan penjamin-penjamin para penerima biasiswa.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan untuk para penuntut yang akan menceburi kerjaya dalam bidang ketenteraan ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Manakala menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan untuk para penuntut yang akan menceburi kerjaya dalam perkhidmatan awam ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Para penerima Biasiswa PT ABDB dan Biasiswa ABDB bagi Tahun 2026 terdiri daripada penuntut yang telah menamatkan Peperiksaan Peringkat 'A' atau Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) daripada beberapa buah sekolah.

Lima penerima biasiswa terdiri daripada tiga penuntut yang telah menamatkan Peperiksaan Peringkat 'A' iaitu Awang Nathan Peterson Chen Tse Wei dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Tsinghua University, Republik Rakyat China; Dayang Syifa Dania binti Abu Syahmi dari Jerudong International School

(JIS) yang akan mengikuti pengajian Kejuruteraan Mekanikal di University of Glasgow, United Kingdom (UK) dan Dayang Nur Nadhirah Umairah binti Amirul Adly, juga dari JIS yang akan melanjutkan pengajian dalam Bidang Undang - Undang di University of Bristol, UK.

Sementara dua penuntut lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang juga turut menerima biasiswa ialah Dayang Nur Wafaa Wafiqah binti Haji Mohamad Syahiran dan Dayang Syasya Damia Darwisya binti Yuskarulzaman dari Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah. Kedua-duanya akan melanjutkan pengajian dalam Bidang Syariah di Universiti

Al-Azhar, Mesir.

Skim Biasiswa PT ABDB dan Biasiswa ABDB merupakan antara skim biasiswa yang paling berprestij di Negara Brunei Darussalam yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin masa hadapan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara, khususnya dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Di samping itu, skim-skim ini menyediakan peluang bagi pembangunan pelapis muda cendekiawan Islam yang berpengetahuan, berkeupayaan dan dilengkapi dengan kemahiran untuk memberikan sumbangan yang bermakna ke arah kemajuan negara, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

JPM adakan Majlis Pembukaan Dikir



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya lewat petang tadi mengadakan Majlis Pembukaan Dikir sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM, di sini.

Hadir ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM

(Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Atur cara dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II

kepada wakil daripada Masjid Ash-Shaliheen.

Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Wirid, doa dan Surah Al-Fatihah.

Majlis kemudiannya disusuli dengan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam yang dibacakan oleh kumpulan pendikir Al-Alzam Kumpulan Tausyeh.

Selesai Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Dikir Marhaban dibacakan, disusuli dengan bacaan doa selepas Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai penutup majlis.

Majlis pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi



SUASANA pada Majlis Pembukaan Dikir sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri (kiri, atas dan bawah).

Majlis dengan dikendalikan Rasuah dan Jabatan Kehakiman bersama oleh Biro Mencegah Negara.



MAJLIS BERCORAK KEAGAMAAN SEMPENA MAULIDUR RASUL DITERUSKAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Ogos. - Selain memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara juga adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu, ia bertujuan untuk menanamkan rasa kasih dan

cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Baginda adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri umat Islam.

Sehubungan itu, bagi menghidupkan lagi Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Bercorak Keagamaan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah terus diadakan bagi malam kedua di Istana Nurul Iman.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan, Menteri Penyelaras

bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Majlis disusuli dengan bacaan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir bagi malam kedua Majlis Bercorak Keagamaan diadakan di Istana Nurul Iman.

ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Ashizal bin Zainal Abidin. Manakala tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Penutup Sembahyang, Pelindung Kehidupan' disampaikan oleh Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal dari Kementerian Pertahanan, sementara Dikir Khairuman dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), manakala Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara pula membawakan Dikir Bisayhrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), Bahagian Sekolah Arab.

Sementara bagi jemaah perempuan pula, majlis diadakan berasingan di Surau Istana Nurul Iman.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Manakala tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Penutup Sembahyang, Pelindung Kehidupan' disampaikan oleh Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal dari Kementerian Pertahanan, sementara Dikir Khairuman dari Badan Persatuan Isteri-Isteri ABDB (BAKTI) dan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung Serasa, manakala Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara pula membawakan Dikir Bisayhrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa oleh JPI, Brunei I.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai dari Kementerian Pertahanan, JAMA'AT, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia dan Beliawanis Masjid Senegara, Jabatan Pengajian Islam Bahagian Sekolah Arab serta Badan Persatuan Isteri-Isteri ABDB (BAKTI) dan Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Serasa.

Alunan dikir Maulidur Rasul bergema di Istana Nurul Iman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam); dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) hadir pada Majlis Bercorak Keagamaan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan di Istana Nurul Iman (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, sebahagian jemaah perempuan yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung berasingan di Surau Istana Nurul Iman.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



>> Muka 1

Bagi menghidupkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, Majlis Bercorak Keagamaan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam turut diadakan di Istana Nurul Iman.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan

Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Majlis berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Ashizal bin Zainal Abidin. Manakala tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Memohon Barakah Dalam Setiap Rezeki'

disampaikan oleh Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal dari JPM, sementara Dikir Khairuman dari Badan Ugama Islam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), manakala Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara pula membawakan Dikir Bisayhrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), Bahagian Sekolah Ugama (Brunei I).

Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abdul Ghani, manakala Doa Peliharakan Sultan

dibacakan oleh Muhammad Amin bin Haji Salim.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai dari JPM, Badan Ugama Islam PPDB, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dan JPI, Bahagian Sekolah Ugama (Brunei I).

Sementara bagi jemaah perempuan pula, majlis diadakan berasingan di Surau Istana Nurul Iman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Manakala tazkirah bertajuk

'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Memohon Barakah Dalam Setiap Rezeki' disampaikan oleh Dayang Nurul 'Ain binti Mohd. Redzuan@ Jasmona anak Janteang,

Seterusnya, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalaimualaika dan Asyrakal dari JPM, sementara Dikir Khairuman dari Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI), manakala Muslimah Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang pula membawakan Dikir Bisayhrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawa oleh JPI, Brunei I.

PENANDATANGANAN KONTRAK MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR TENAGA NEGARA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PENANDATANGANAN tersebut disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran) dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

>> Muka 1

Turut hadir ialah Yang Berhormat Peguam Negara, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan, serta pegawai-pegawai kanan di JPM dan Kementerian Kewangan.

Kontrak tersebut ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan President of Asia Pacific, Sinohydro Corporation Limited, Zhou Jiayi, menandatangani bagi pihak

Syarikat Sinohydro Corporation Limited.

Projek ini merupakan satu pembangunan strategik dan penting di bawah Rancangan Kemajuan Negara Brunei Darussalam Ke-12 (RKN12) yang bertujuan untuk mengukuhkan sekuriti bekalan tenaga elektrik.

Ia dijangka memainkan peranan penting dalam memperkukuh infrastruktur tenaga negara, menyokong pertumbuhan sosioekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan awam, dan memperbaiki kualiti hidup rakyat secara keseluruhan.

Terdahulu dalam ucapatama yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra menjelaskan perkembangan sektor tenaga elektrik Negara Brunei Darussalam telah menjadi antara tonggak

penting dalam menyokong kemajuan ekonomi dan sosial negara, khususnya sejak pengoperasian sistem penjanaan elektrik pertama berkuasa diesel pada tahun 1921.

Seiring dengan pembangunan dan pemodenan negara terangnya, permintaan terhadap tenaga elektrik terus meningkat, sekali gus mendorong kepada pengembangan infrastruktur tenaga serta penggunaan teknologi penjanaan yang lebih cekap.

Antara pencapaian penting sektor berkenaan termasuk pengoperasian loji janakuasa berkuasa gas pertama di Seria pada tahun 1967, penubuhan rangkaian penghantaran elektrik merentas negara serta pengenalan teknologi penjanaan kitaran gabungan yang menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan kebolehpercayaan sistem bekalan elektrik negara.

Dalam hubungan ini katanya, Projek Loji Janakuasa Kitaran Gabungan Bukit Panggal Fasa 2 merupakan satu pelaburan strategik dalam usaha memperkukuh kapasiti penjanaan dan daya tahan sistem bekalan elektrik negara, di samping memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat.

Tambahnya, apabila siap pada tahun 2029, projek tersebut dijangka menambah kapasiti penjanaan sebanyak 215 megawatt (MW), iaitu kira-kira 33 peratus daripada jumlah permintaan puncak elektrik negara, dengan kecekapan loji sebanyak 51.6 peratus.

Selain itu jelasnya, projek berkenaan juga dijangka dapat memperkukuh kapasiti rizab negara, meningkatkan kestabilan grid serta mempertingkatkan kebolehpercayaan dan daya tahan

keseluruhan sistem bekalan elektrik.

Loji baharu itu juga akan mempunyai keupayaan menggunakan dua jenis bahan api, iaitu gas dan diesel, sekali gus memberikan fleksibiliti operasi serta meningkatkan keselamatan bekalan elektrik.

Selain peningkatan kapasiti, projek berkenaan turut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam meningkatkan kecekapan operasi sektor tenaga melalui penggunaan teknologi penjanaan kitaran gabungan moden yang menawarkan penggunaan bahan api lebih cekap serta prestasi keseluruhan yang lebih baik.

Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM, juga memaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik, JPM, telah menganugerahkan projek tersebut kepada Sinohydro Corporation Limited.

Pelaksanaan projek itu juga turut dijangka memberikan manfaat kepada negara melalui peluang pekerjaan tempatan, perkembangan perkhidmatan sokongan, pemindahan pengetahuan, pembangunan kapasiti serta pengukuhan kepakaran tempatan dalam sektor tenaga.

Kerjasama erat antara rakan kongsi antarabangsa dengan agensi-agensi tempatan katanya, diharap dapat menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran serta memperkukuh keupayaan tempatan dalam bidang

tenaga.

Beliau juga menyeru semua pihak yang terlibat untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual, dengan tadbir urus yang berkesan serta mengutamakan aspek keselamatan, kualiti, kecemerlangan kejuruteraan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Projek tersebut tambahnya lagi, dihasrat mendukung pertumbuhan ekonomi jangka panjang, pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memastikan sektor tenaga yang berdaya tahan, cekap, dan mampan untuk masa hadapan.

Projek ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kestabilan dan kebolehpercayaan bekalan elektrik di seluruh negara, dalam mendukung Wawasan Brunei 2035, dan Matlamat Pembangunan Mampan 7: iaitu bagi memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua.

Projek Stesen Janakuasa Combined Cycle Gas Turbines Fasa 2 di Bukit Panggal ini akan meningkatkan kapasiti penjanaan negara sebanyak tambahan 215 MW berbanding kapasiti sedia ada, dan akan menyumbang ke arah mencapai sasaran kecekapan penjanaan tenaga negara sekurang-kurangnya 50 peratus, berbanding tahap kecekapan purata semasa iaitu kurang dari 30 peratus.

UBD hargai pencapaian graduan cemerlang



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang juga selaku Timbalan Pengerusi Majlis Universiti Brunei Darussalam (UBD) ketika bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Pingat Universiti dan Hadiah Buku yang diadakan di Dewan Canselor, UBD.

Oleh : Nooradini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Khamis, 13 Ogos. - Bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Kali Ke-38, Universiti Brunei Darussalam mengiktiraf pencapaian para pelajarnya yang cemerlang pada Majlis Penyampaian Pingat Universiti dan Hadiah Buku, yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD, petang tadi.

Sebanyak 108 Pingat Universiti, Hadiah Buku, dan Anugerah Kecemerlangan telah disampaikan kepada 98 orang penerima yang disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengerusi Majlis UBD.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Duta Besar Republik Rakyat China ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan, pihak penaja, serta ahli keluarga para penerima anugerah.

Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku ini bukan sahaja meraikan graduan dan pelajar cemerlang daripada pelbagai bidang dan peringkat pengajian, malah turut memupuk semangat persaingan yang sihat di seluruh kampus.

Ia juga menjadi pemangkin semangat untuk mencapai kecemerlangan akademik serta memberikan sumbangan aktif kepada masyarakat.

Manakala itu, Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman dalam ucapan alu-aluannya melahirkan ucapan tahniah kepada para penerima dan berharap agar mereka menjadi

sumber inspirasi serta motivasi kepada orang lain.

Penerima Pingat Naib Canselor ialah Dayangku Nur Amal Syazana Pengiran Jamaluddin, yang baharu sahaja menamatkan pengajian dalam program Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan). Pingat Naib Canselor dianugerahkan berdasarkan merit akademik penerima, sumbangan serta pencapaian yang signifikan dalam aktiviti kokurikulum, dan juga keupayaan mempamerkan kemahiran kepimpinan yang cemerlang.

Pingat Perak Universiti pula dianugerahkan kepada pelajar tahun akhir terbaik bagi setiap program

Sarjana Muda. Enam pingat Perak tahun ini ialah Dayangku Siti Nur Ameerah Nasibah Pengiran Indera Jaya (Sarjana Muda Sastera), Farid Said Mohammed (Sarjana Muda Sains), Seline Phang Min Sing (Sarjana Muda Pemiagaan), Chloe Lai Xhue Yieing (Sarjana Muda Sains Kesihatan), Ho Jun Ang (Sarjana Muda Kejuruteraan), dan Awangku Abdul Afif Johnis Pengiran Abdul Aziz (Sarjana Muda Sains Digital).

Antara penerima Hadiah Buku Universiti terdiri daripada seramai 12 orang pelajar daripada program Sarjana dan 79 orang pelajar lagi daripada program Sarjana Muda masing-masing menerima anugerah berprestij tersebut atas pencapaian cemerlang mereka.

Selain itu, Brunei LNG Sdn. Bhd. juga menyampaikan Anugerah Kecemerlangan kepada tiga penerima Ijazah Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Proses, serta Kejuruteraan Am dengan Pengkhususan dalam Sistem Tenaga.

Semasa majlis tersebut, graduan Goh Fui Mien, Chong Zi Wei, dan Awang Mohammad Azeerul Faizz Rabu menerima Anugerah Penghargaan Khas Hengyi. Sementara itu, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun menyampaikan Anugerah Duta Besar Republik Rakyat China kepada pelajar-pelajar Bahasa Mandarin: Dayang Siti Rusdina Fitriyah Mohd. Reduan, Duncan Hoh Li Fan, Meissalessah Alihan, Dayang Umami Nasuha Mohamad Azeni, dan Dayang Nur Qistina Bujang.

DIKIR MAULUD 12 MALAM KINI BERMULA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara (atas). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Sempena menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara tahun ini lazimnya diimarahkan dengan laungan dikir selama 12 malam berturut-turut bermula malam ini.

Sehubungan itu, majlis pembukaannya berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS) di ibu negara yang dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; pengarah - pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh penceramah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, KHEU, Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, yang

antara lain menyatakan bahawa kita malam ini memasuki bulan kelahiran seorang insan yang mulia, nabi terakhir umat, iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Datangnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam membawa cahaya kepada dunia yang gelap gelita, yang penuh dengan kejahilan. Sejak dari manusia pertama, Nabi Adam Alaihi Salam semua anbiya telah datang membawa misi yang sama, iaitu mesej La Ilaha Illa Allah (tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah)," jelas beliau.

Jelasnya lagi, inilah mesej sama yang tidak pernah berubah sehinggalah nabi yang terakhir di muka bumi. Mesej berkenaan bukan sekadar tradisi, tetapi ia untuk memperingati manusia tentang makna perhambaan kepada Yang Maha Pencipta.

Dunia tambahnya lagi, kembali bersinar dengan cahaya Tauhid dengan kebangkitan Khotamul Anbiya' (nabi yang terakhir).

Menurutnya, jika kita amat-amati, misi kerasulan bukan dimulai dengan meruntuhkan patung-patung berhala yang ada di tanah Arab. Tetapi, ia dimulakan dengan menghidupkan Tauhid di dalam jiwa manusia.

Awang Haji Ahmad Muzhafar seterusnya berkata bermula dengan dakwah di Mekah selama 13 tahun, tarbiyah yang diterapkan oleh nabi berputar sekitar pembinaan akidah. Ini dapat dilihat di dalam surah-surah Makkiyyah di dalam Al-Quran, surah-surah

berkenaan mengandungi mesej-mesej tentang pembinaan iman, syurga dan neraka, akhirat, berakhlak mulia dan kisah-kisah umat terdahulu.

Pembinaan modal insan jelasnya lagi, berteraskan akidah inilah yang menjadi batu-bata kepada pembangunan negara Islam yang pertama, iaitu Madinah Al-Munawwarah.

Dalam menyambut Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, Awang Haji Ahmad Muzhafar menekankan, agar kita mulakan dengan mendidik diri sendiri dan seterusnya ahli keluarga dengan mengukuhkan akidah melalui Tadabbur Al-Quran, memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah yang mulia serta hayati Sirah Nabawiyah, bukan dengan sekadar ingat fakta, tetapi menerapkan pengajaran darinya.

Beliau seterusnya menerangkan dengan memetik daripada Kitab Fiqh Sirah, karangan Profesor Dr. Sa'id Ramadhan Al-Buthi, iaitu tujuan mengkaji riwayat hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan penganalisaannya bukanlah semata-mata untuk melihat kejadian-kejadian dan episod-episod yang bersejarah ataupun memaparkan cerita-cerita yang indah sahaja.

Tujuan pokok dan kajian yang dimaksudkan katanya lagi, ialah supaya setiap Muslim dapat memahami, mengangap dan menggambarkan bahawa kahiikat zahir dan batin Islam semuanya teradun di dalam penghidupan Rasulullah itu sendiri.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



"Gambaran dan anggapan ini akan timbul dan wujud setelah seseorang Muslim itu dapat memahami dengan benar segala hikmah dan keistimewaan prinsip-prinsip dan dasar-dasar Islam satu persatu terlebih dahulu.

"Kajian riwayat hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengumpul hakikat dan inti sari dasar-dasar Islam kemudian memadan dan menyesuaikan dengan contoh Islam, iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Semoga dengan menghayati Sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam akan melembutkan hati kita menghayati setiap bait selawat dan dikir kepada Baginda. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Orang yang paling dekat denganku pada Hari Kiamat adalah yang paling banyak berselawat kepadaku"*. Semoga hidup kita sentiasa terang dengan cahaya akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Amiin," ujarnya lagi.

Kemudiannya, suasana majlis bergema dengan alunan dikir dan selawat menerusi persembahan Dikir Assalamualaika oleh Pasukan Dikir MOAS, diikuti Dikir Khairuman Udana Laila daripada Pasukan Dikir Kampung Belimbing Subok.

Turut dipersembahkan ialah Dikir Tanaqal Indara oleh Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas (PERANGKAB), Dikir Al-Hamdu oleh Persatuan

Dikir Warga Emas dan Pasukan Dikir Jabatan Pengajian Islam pula membawakan Dikir Asyraqal.

Setelah itu, Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, MOAS, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof, sementara Pegawai Masjid, MOAS, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang pula memimpin bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Tradisi mengimarahkan masjid dengan bacaan dikir selama 12 malam berturut-turut sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sememangnya menjadi antara amalan yang sinonim dengan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Lebih daripada sekadar sebuah majlis keagamaan, amalan berkenaan mencerminkan kecintaan umat Islam kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menyemarakkan syiar Islam, memperkukuh ukhuwah serta menyatukan masyarakat dalam suasana penuh keinsafan dan keberkatan.

Sepanjang tempoh berkenaan, masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan terus bergema dengan Selawat dan puji-pujian kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai tanda kasih dan penghormatan umat terhadap junjungan yang menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Semai rasa cinta, kasih kepada Rasulullah



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam yang diadakan di Surau Polis Gadong (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

GADONG, Jumaat, 14 Ogos. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Surau Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB,

Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir menyambut ketibaan tetamu kehormat majlis, Timbalan Penguasa Polis Abdul Hafizazuddin bin Haji Abdul Wahab, selaku Pengerusi BUI.

Juga hadir, para pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai PPDB, ahli-ahli pangkat rendah serta kakitangan awam.

Majlis dimulakan sejeurus selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dengan bacaan Dikir Syarafil Anam sebagai tanda bermulanya pengisian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk menyemarakkan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



rasa cinta dan kasih kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping menghayati perjuangan, akhlak serta sunnah Baginda sebagai panduan dalam kehidupan seharian dan pelaksanaan tugas.

Melalui penganjuran majlis seumpama berkenaan adalah

diharapkan agar ia dapat memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga PPDB di samping menyemai nilai-nilai murni serta meningkatkan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

MESYUARAT TEKANKAN KEPENTINGAN SISTEM KESIHATAN BERDAYA TAHAN, MAMPAN



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika menyertai Mesyuarat Ke-9 Ahli Parlimen Asia-Pasifik Mengenai Kesihatan Global (9th Meeting of the Asia-Pacific Parliamentary Forum on Global Health) yang berlangsung dari 11 hingga 13 Ogos 2026 di Phnom Penh, Kemboja (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat Negara

PHNOM PENH, KEMBOJA, Rabu, 13 Ogos. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Dilantik iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Haji Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Dayang Hajah

Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin telah menyertai Mesyuarat Ke-9 Ahli Parlimen Asia-Pasifik Mengenai Kesihatan Global (9th Meeting of the Asia-Pacific Parliamentary Forum on Global Health) yang berlangsung dari 11 hingga 13 Ogos 2026 di Phnom Penh, Kemboja.

Bertemakan 'Universal Health Coverage in the Era of Climate Change and Artificial Intelligence', mesyuarat telah membincangkan kemajuan dan cabaran dalam mencapai Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage), dengan tumpuan kepada peranan tadbir urus parlimen, kesan perubahan iklim terhadap kesihatan serta Kecerdasan Buatan (AI) dalam memperkukuh

sistem kesihatan.

Delegasi MMN turut berkongsi pengalaman negara dalam memperkukuh penjagaan kesihatan primer, pencegahan penyakit serta menangani cabaran penyakit tidak berjangkit dan penuaan penduduk ke arah sistem kesihatan yang berdaya tahan dan mampan.

Delegasi juga mengikuti

lawatan kerja ke Wilayah Kampot bagi melihat secara langsung penyampaian penjagaan kesihatan di peringkat komuniti. Di akhir mesyuarat, satu Komunike Phnom Penh telah diterima pakai sebagai komitmen bersama dalam memajukan Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage) di rantau ini.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Bertepatan dengan hasrat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, maka Beta adalah menyambut baik projek Hab Inovasi UBD (UBD Innovation Hub) di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Beta berharap ianya akan dapat turut memperkukuh budaya dan ekosistem inovasi kebangsaan yang mampu memudahkan peralihan hasil penyelidikan kepada produk pasaran. Semoga inisiatif ini akan dapat melahirkan graduan yang mahir digital serta berdaya saing.

Akhirnya, Beta mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UBD, yang merangkumi para Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti, serta semua pihak yang telah mencurahkan bakti mereka kepada institusi ini.

Semoga segala usaha dan pengorbanan mereka mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian, *Wabillahi Taufeq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Kenang jasa Rasulullah memperjuangkan syiar Islam



SETIAUSAHA Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KAMPUNG MANGGIS / MADANG, Jumaat, 14 Ogos. - Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Persembahan Dikir Syarafil

Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kementerian Kewangan akan meneruskan Majlis Persembahan Dikir ke Masjid Universiti Brunei Darussalam pada Khamis, 20 Ogos 2026 nanti.

Majlis berkenaan



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat,

Kementerian Kewangan dan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

KONGSI AMALAN TERBAIK MEMBANTERAS JENAYAH DADAH



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri semasa mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD) kali Ke-47 yang diadakan secara dalam talian.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. – Negara Brunei Darussalam telah menyertai Mesyuarat ASEAN Senior Officials

on Drug Matters (ASOD) kali Ke-47 yang diadakan secara dalam talian pada 4 dan 5 Ogos lalu.

Delegasi Negara Brunei

Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail merangkap Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan disertai

beberapa pegawai kanan dari BKN.

Mesyuarat berkenaan dirasmikan oleh Menteri Kehakiman Thailand selaku negara tuan rumah, Tuan Yang Terutama Police Lieutenant General Rutthaphon Naowarat dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Agung Narcotics Control Board Thailand, Tuan Apikit Ch.rojprasert.

Mesyuarat menghimpunkan pegawai-pegawai kanan dari negara anggota ASEAN bagi membincangkan keutamaan ASEAN serta memperkukuhkan kerjasama serantau dalam membanteras isu dadah yang semakin berkembang di rantau ini.

Mesyuarat tersebut turut menyaksikan pelancaran Laporan ASEAN Drug Monitoring (ADM) 2026 yang merumuskan trend dadah terkini serta perkembangan berkaitan dadah di negara-negara ASEAN sepanjang tahun 2025.

Melalui mesyuarat itu, negara-negara anggota ASEAN berpeluang bertukar maklumat

mengenai situasi dadah di negara masing-masing serta berkongsi amalan terbaik dalam membanteras jenayah dadah, khususnya dalam bidang pendidikan pencegahan, penguatkuasaan undang-undang, rawatan dan pemulihan, penyelidikan serta kerjasama antarabangsa.

Negara-negara anggota ASEAN juga mengadakan sesi konsultasi bersama rakan-rakan dialog ASOD, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Australia, Republik India dan Persekutuan Rusia, selain organisasi antarabangsa bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam menangani cabaran jenayah rentas sempadan yang melibatkan dadah.

NBD menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dan rakan dialog dalam memperkukuhkan kerjasama serantau serta menyokong aspirasi ASEAN ke arah merealisasikan visi ASEAN Bebas Dadah.

4 penghulu mukim, 15 ketua kampung terima sijil lantikan

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Jabatan Daerah Tutong



TUTONG, Khamis, 13 Ogos. – Empat penghulu mukim dan 15 ketua kampung bagi Daerah Tutong menerima sijil lantikan masing-masing hari ini dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Majlis berkenaan dianjurkan sebagai satu bentuk penghormatan dan pengiktirafan terhadap pelantikan rasmi para penghulu mukim dan ketua kampung yang akan menggalas tanggungjawab memimpin serta berkhidmat kepada masyarakat di peringkat akar umbi.

Majlis Penyampaian Sijil Lantikan berkenaan

disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut, selaku tetamu kehormat majlis.

Semasa berucap pada majlis berkenaan, Awang Salminan menegaskan bahawa penghulu mukim dan ketua kampung merupakan barisan hadapan kerajaan yang memainkan peranan strategik sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dalam memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kebajikan penduduk sentiasa terpelihara.

Peranan berkenaan tambahnya lagi, bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian maklumat

malah merangkumi usaha mengenal pasti isu, cabaran, dan keperluan masyarakat, menyelaras tindakan bersama pihak-pihak berkepentingan, serta memastikan perkhidmatan dan inisiatif kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat dan penduduk secara berkesan, menyeluruh dan menepati sasaran.

"Peranan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung kini telah mengalami perubahan yang ketara, selaras dengan pelaksanaan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan. Secara umumnya, Skim perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan kewibawaan, memperkukuh kualiti kepimpinan, dan memperkasakan keberkesanan institusi kepimpinan akar umbi.

"Kepimpinan yang berkesan adalah penting bagi memastikan penghulu mukim dan ketua kampung terus relevan dalam menghadapi cabaran semasa, menangani keperluan anak buah kampung yang semakin kompleks serta memperkukuh hubungan dan kerjasama antara kerajaan dengan rakyat dan penduduk.

"Pada masa yang sama, peranan ini turut menyokong usaha kerajaan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035," ujarnya lagi.

Majlis turut diserikan dengan bacaan ikrar oleh para penghulu mukim dan ketua kampung yang



SETIAUSAHA Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian papan tanda penghulu mukim di kediaman masing-masing (kiri dan atas).

baharu dilantik, diikuti dengan penandatanganan ikrar. Ikrar berkenaan melambangkan komitmen mereka untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi, jujur dan berintegriti demi kepentingan serta kesejahteraan masyarakat di bawah kepimpinan masing-masing.

Penandatanganan ikrar yang dilaksanakan di hadapan tetamu kehormat majlis turut menjadi simbol kesediaan para penghulu mukim dan ketua kampung untuk menggalas amanah serta tanggungjawab yang telah diberikan.

Acara kemudiannya diteruskan dengan perasmian papan tanda penghulu mukim di kediaman masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebagai simbol rasmi pelantikan para penghulu mukim yang baharu.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah

Tutong, Penolong Pegawai Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk kampung.

Majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh pentadbiran dan kepimpinan di peringkat akar umbi, di samping menghargai sumbangan serta khidmat para pemimpin masyarakat dalam mendukung pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan komuniti di Daerah Tutong.

Pelantikan para penghulu mukim dan ketua kampung berkenaan dihasratkan akan terus memperkukuh kerjasama antara pihak kerajaan dengan masyarakat, serta memastikan keperluan dan kepentingan penduduk di setiap mukim dan kampung dapat terus diberikan perhatian sewajarnya.

TINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI PILIHAN PEMBIAYAAN ALTERNATIF SUKUK



SETIAUSAHA Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan semasa berucap.

BERAKAS, Rabu, 12 Ogos. - Usaha memperkukuh pembangunan pasaran modal Negara Brunei Darussalam (NBD) terus diperkasakan menerusi penganjuran Seminar Pembangunan Pasaran Modal Negara Brunei Darussalam : Pengenalan Kepada Penerbitan Sukuk, yang memberi tumpuan kepada sukuk sebagai salah satu instrumen pembiayaan alternatif melalui pasaran modal.

Seminar yang berlangsung di Mulia Hotel itu dianjurkan oleh Credit Guarantee and Investment Facility (CGIF), sebuah dana amanah di bawah Asian Development Bank (ADB) dengan kerjasama Bank Islam Brunei

Darussalam (BIBD) dan International Capital Market Association (ICMA).

Disokong oleh Kementerian Kewangan dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), seminar berkenaan menghimpunkan kira-kira 100 peserta terdiri daripada penggubal - penggubal dasar, pengawal-pengawal selia serta syarikat-syarikat yang berpotensi menerbitkan sukuk, termasuk Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat sektor swasta.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad.

Penganjuran seminar tersebut bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai pilihan pembiayaan alternatif, khususnya sukuk, sebagai instrumen bagi mendapatkan pembiayaan melalui pasaran modal, di samping memberikan gambaran menyeluruh mengenai proses penerbitan sukuk.

Ia turut memberikan pandangan dari sudut praktikal melalui *case study* mengenai penerbitan sukuk yang telah

berjaya dijamin dan dilaksanakan di rantau ini. Selain itu, seminar tersebut membentangkan mengenai proses penerbitan sukuk secara menyeluruh di peringkat tempatan serta perbincangan mengenai aspek-aspek utama Syariah.

Ketua Pegawai Eksekutif CGIF, Noriko Nasu dalam uaputamanya menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama antara penggubal dasar, pengawal selia, institusi kewangan dan peserta pasaran bagi menyokong pembangunan pasaran sukuk korporat di NBD.

Menurut beliau, seminar ini diharap akan membawa pengetahuan dan pandangan untuk dipraktikkan dalam membangunkan pasaran sukuk korporat mata wang tempatan di NBD yang lebih dinamik dan berdaya tahan.

Sementara itu, Awang Haji Asrul Adrain dalam ucapan alu - aluannya, menekankan kepentingan untuk memperkukuh ekosistem pasaran modal negara melalui kerjasama, pembangunan kapasiti dan penyertaan sektor korporat yang lebih meluas.

Beliau turut menyarankan para peserta untuk memanfaatkan seminar tersebut sebagai platform meningkatkan kefahaman serta meraih pendedahan kepada amalan-amalan terbaik antarabangsa.

Seminar didahului dengan sesi bertajuk 'An Introduction on Sukuk as a Financing Mechanism' yang disampaikan oleh Pakar Kewangan Islam, ICMA, Ammar Ahmed, yang mengongsikan pengetahuan mengenai sukuk sebagai salah satu mekanisme pembiayaan alternatif melalui pasaran modal.

Juga diketengahkan ialah 'Proses Penerbitan Sukuk dari Perspektif Domestik' yang menampilkan Pengarah Urusan BIBD Securities, Jason Wong dan Penolong Profesor di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Amnisuhaillah binti

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Abarahan, yang juga merupakan Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD dan BIBD Securities.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Ketua Penasihat Pasaran Modal BIBD Securities, Dayang Nurul Adilah binti Haji Abu Bakar, yang membincangkan perjalanan penerbitan sukuk dari perspektif praktikal dan Syariah, termasuk pertimbangan utama, langkah-langkah serta keperluan yang perlu diberi perhatian oleh bakal penerbit.

Selain itu, Timbalan Ketua Kumpulan Perbankan Korporat BIBD, Awang Abd. Azim bin Haji Mohammad, mengendalikan sesi perbincangan bertajuk 'A Deep Dive into a Successful Sukuk Issuance' yang mengetengahkan pengalaman penerbitan sukuk PT Global Mediacom Tbk. Perbincangan tersebut menyentuh pengalaman, faktor kejayaan serta pandangan praktikal daripada penerbitan sukuk yang berjaya dijamin dan dibawa ke pasaran.


Menerusi penyertaan tersebut, BIBD dan BIBD Securities mengetengahkan pengalaman praktikal berasaskan pasaran bagi melengkapi perspektif antarabangsa yang dikongsikan

sepanjang seminar.

Seminar diakhiri dengan ucapan penutup oleh Naib Presiden Operasi CGIF, Anuj Awasthi, yang menegaskan semula komitmen CGIF dalam menyokong pembiayaan alternatif melalui penyediaan jaminan kredit di rantau ASEAN+3.

Dengan mengambil kira keutamaan CGIF untuk memperkukuh pasaran bon Matawang lokal dan sukuk di rantau ASEAN+3, pihak CGIF turut bersedia untuk mendukung fasa seterusnya dalam pembangunan sukuk di NBD. Seminar tersebut mencerminkan aspirasi negara untuk memperkukuh pasaran modal dan menggalakkan penyertaan korporat yang lebih meluas dalam penerbitan sukuk.

Penglibatan berterusan BIBD Securities sebagai pengatur, penasihat dan pendukung kewangan Islam dijangka terus menyumbang kepada pembangunan pasaran sukuk korporat yang lebih kukuh, sekali gus menyokong pertumbuhan perniagaan, kepelbagaian ekonomi dan matlamat Wawasan Brunei 2035.



SALAH seorang daripada pembentang pada seminar tersebut.



ANTARA yang hadir mendengarkan seminar berkenaan.



**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

**TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH
MENYELAMATKAN NYAWA,
GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.**

**SEAT BELTS CAN SAVE LIVES,
ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.**



Road Safety Depends
on #YouAndMe



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2026
2. 'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2026
3. 'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 2 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap

RAIH FADILAT DAN KEISTIMEWAAN SELAWAT

(1 Rabiulawal 1448 / 14 Ogos 2026)

TANDA CINTA DAN KASIH



Antara tanda cinta dan kasih yang boleh kita zahirkan adalah dengan membasahi lidah memperbanyakkan selawat ke atas Baginda kerana berselawat itu, selain mempunyai fadhilat, ia juga merupakan bahagian dari perintah Allah Subhanahu Wata'ala.



MAKSUD SELAWAT



Sesungguhnya selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala bererti rahmat dan keredaan-Nya untuk baginda, selawat daripada malaikat bererti doa dan memohonkan ampun untuk baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

KELEBIHAN SELAWAT



1. Mendapat kedudukan yang utama di sisi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada hari kiamat kelak.
2. Ganjaran selawat dilipatgandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

AMALAN HARIAN



Alangkah ruginya jika kita tidak memperbanyakkan selawat serta menjadikannya sebagai zikir harian dan amalan yang berterusan dalam kehidupan seharian.

Sesungguhnya beruntunglah umat Islam yang sentiasa membasahkan lidah mereka dengan selawat dan menjadikannya amalan harian pada setiap waktu dan ketika, sepanjang hayat.



Raih fadilat dan keistimewaan selawat

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pembawa risalah Islam untuk memandu umat manusia menuju kejayaan di dunia dan kebahagiaan yang kekal di akhirat. Dengan bekal kitab, kebijaksanaan dan hikmah dalam berdakwah, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berjaya menyampaikan dan menyebarkan risalah Islam sehingga terus berkembang serta menjadi pedoman umat manusia hingga ke hari ini.

Sebagai tanda kemuliaan, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengangkat darjat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke kedudukan yang tiada bandingnya, istimewa dan mulia di sisinya. Bagi umat Islam pula, Baginda bukan sahaja sentiasa mendapat tempat di hati, mekar dalam ingatan, malah dikasihi, dicintai dan disanjung sebagai insan teragung dan teladan sepanjang zaman.

Umat Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal. Di Negara Brunei Darussalam, kita juga tidak ketinggalan turut menyemarakkan sambutan ini dengan pelbagai acara keagamaan yang diatur rapi.

Antara acara yang menjadi tradisi ialah negara akan memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan laungan Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah di seluruh negara. Di samping itu, majlis ceramah keagamaan, forum ilmiah dan acara kemuncak Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara turut dilangsungkan dengan penuh penghayatan. Segala usaha dan kegiatan kita ini merupakan tanda kecintaan dan penghormatan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, kita sebagai umat Islam sudah selayaknya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikuti dan mematuhi sunnah yang dibawa oleh Baginda. Antara tanda cinta dan kasih yang boleh kita

zahirkan adalah dengan membasahi lidah memperbanyakkan selawat ke atas Baginda. Kerana berselawat itu, selain mempunyai fadilat, ia juga merupakan bahagian daripada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawat kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan".

Sesungguhnya selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala bererti rahmat dan kerediaan-Nya untuk Baginda, selawat daripada malaikat bererti doa dan memohonkan ampun untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

Dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, terdapat banyak keterangan tentang kelebihan dan ganjaran yang dikurniakan kepada mereka yang berselawat ke atas Baginda. Antara kelebihan tersebut ialah :

Pertama : Mendapat kedudukan yang utama di sisi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari kiamat kelak. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Seutama-utama manusia di sisiku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat ke atasku". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Kedua : Ganjaran selawat dilipatgandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Siapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, nescaya Allah akan berselawat ke atasnya dengan 10 selawat dan Allah hapuskan daripadanya 10 kesalahan". (Hadis Riwayat An-Nasaie)

Melihat kepada betapa banyaknya ganjaran yang dijanjikan kepada mereka yang berselawat, alangkah ruginya jika kita

tidak memperbanyakkan selawat serta menjadikannya sebagai zikir harian dan amalan yang berterusan dalam kehidupan seharian. Selain itu, apabila kita mendengar nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam disebut, maka sewajarnya kita segera berselawat ke atas Baginda. Dalam sebuah hadis daripada Ali bin Abu Talib Radiallahuanhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda :

Maksudnya : "Orang yang bakhil ialah orang yang apabila disebut namaku di hadapannya, maka dia tidak berselawat kepadaku". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Bersempena dengan bulan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, marilah kita bersama-sama mendalami serta menghayati sirah kehidupan dan pengorbanan Baginda. Dengan memahami perjalanan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, akan tumbuh subur di dalam hati kita rasa cinta dan rindu terhadap Baginda, seterusnya memudahkan kita untuk menjadikan selawat sebagai amalan yang berterusan.

Sesungguhnya beruntunglah umat Islam yang sentiasa membasahkan lidah mereka dengan selawat dan menjadikannya amalan harian pada setiap waktu dan ketika, sepanjang hayat. Akhirnya, bersempena kedatangan bulan kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini marilah kita luruskan niat dan berazam untuk sentiasa memperbanyakkan selawat kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan, berkat selawat yang kita amalkan dengan ikhlas akan menjadi sebab kita meraih syafaat Baginda di hari akhirat kelak. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Wahai manusia! Sesungguhnya aku ialah rasul Allah kepada kamu semua, yang baginya kuasa pemerintahan langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu berimanlah kepada Allah dan rasul-Nya, nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab) dan ikutlah dia supaya kamu mendapat petunjuk". (Surah Al-A'raf, ayat 158)

Meningkatkan kesedaran masyarakat kepentingan mahabbah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa hadir pada Program Pejuang Fajr Kali Ke-20 di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (atas dan atas kanan).

JUNJONGAN, Jumaat, 14 Ogos. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, Mukim Pengkalan Batu, awal pagi tadi mengadakan Program Pejuang Fajr Kali Ke-20 di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan

Qiyamullail, iaitu Sembahyang Sunat Tahajjud yang dipimpin oleh AJK Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, diikuti dengan bacaan Selawat beramai-ramai dan bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh AJK Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Seterusnya, tazkirah subuh bertemakan 'Cinta Nabi : Upgrade Hati' disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad



Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam tazkirah berkenaan, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani antara lain menekankan kepentingan Tazkiyatun Nafs dalam membentuk peribadi Muslim yang lebih baik, khususnya dalam menghayati bulan Rabiulawal.

Para peserta turut diseru agar sentiasa berakhlak mulia, berusaha memperbaiki kelemahan diri, melakukan muhasabah, mengamalkan sifat husnuzon serta mempunyai wawasan yang luas dalam kehidupan, di samping meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Program diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan merupakan

salah satu usaha Badan Sukarelawan Belia Da'ie dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah pertubuhan belia yang aktif dalam bidang dakwah dan Al-Amr Bil Ma'ruf Wa An-Nahyu 'Anil Munkar di Negara Brunei Darussalam, khususnya melalui kempen Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah.

Selain itu, program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mahabbah, iaitu rasa cinta dan kasih sayang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, melalui pemantapan iman, doa, ibadah dan amal soleh, di samping memperbanyakkan Selawat ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Program juga bertujuan untuk memupuk semangat Tazkiyatun Nafs, iaitu usaha mensucikan jiwa, khususnya dalam menyambut bulan Rabiulawal yang merupakan bulan yang istimewa bersempena dengan Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengimarahkan masjid melalui pelbagai aktiviti keagamaan dan kerohanian yang bermanfaat.

Program berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 100 orang, yang terdiri daripada jemaah Masjid As-Salaam, pegawai - pegawai kerajaan, golongan pesara, para belia termasuk mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, dan AJK Belia Da'ie serta orang awam.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِىْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapakan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MENERAPKAN AMALAN LESTARI UNTUK MENGURANGKAN PEMBAZIRAN TENAGA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Azmah Haji Ahad

RMBA, Rabu, 12 Ogos. - Kumpulan WattSavers melalui Program Eksekutif Muda Kohort 11 pagi tadi mengadakan Sesi Dialog FutureWatt, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penjimatan tenaga dan amalan-amalan yang lestari.

Sesi dialog tersebut merupakan salah satu daripada Projek FutureWatt, iaitu projek khidmat masyarakat (COP) di bawah Program Eksekutif Muda yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA), menghimpunkan seramai empat penghulu mukim, 16 ketua kampung, serta wakil dari kementerian dan agensi kerajaan.

Majlis yang berlangsung di Dewan An-Najah, IPA berkenaan diisikan dengan sesi pembentangan daripada Ketua Unit Kecekapan dan Penjimatan Tenaga, Jabatan Tenaga, Huluan

dan Hiliran (DoEUD), Awang Zulfadli bin Abu Bakar; dan Penolong Pengurus Korporat, Unified Smart Metering Services (USMS), Awang Mohd. Nabil Fikri @ Abdul Hafiz bin Begawan Mudim Haji Suhaili.

Pembentangan pertama memberi tumpuan kepada kepentingan penjimatan tenaga memandangkan isu perubahan iklim semakin tenat dan memperkenalkan amalan lestari yang dapat diterapkan untuk mengurangkan pembaziran tenaga.

Menurut DoEUD, pendingin hawa merupakan pengguna tenaga elektrik terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu, Awang Zulfadli membentangkan cara-cara untuk menggunakan pendingin hawa secara berhemah, seperti menghidupkan kedua-dua

pendingin hawa dan kipas untuk memastikan pengedaran udara dalam ruangan.

Topik pembentangan seterusnya adalah mengenai fungsi dan kelebihan USMS, serta kesalahfahaman orang awam terhadap sistem tersebut.

Awang Mohd. Nabil Fikri @ Abdul Hafiz mengongsikan bacaan meter baharu adalah lebih tepat berbanding dengan meter lama, dan ia juga boleh digunakan melalui aplikasi telefon pintar yang mempunyai keupayaan untuk memantau penggunaan elektrik bagi tempoh masa yang tertentu - iaitu secara setiap jam, mingguan atau bulanan.

Acara diteruskan dengan sesi dialog yang dipengerusikan oleh Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune.

Ahli-ahli panel dan moderator membincangkan kepercayaan masyarakat terhadap penggunaan elektrik, dan menekankan bahawa penjimatan tenaga adalah

tanggungjawab setiap individu.

Sesi kedua bagi acara pagi tadi adalah majlis penyampaian cenderamata kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan Projek FutureWatt yang disempurnakan oleh Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh selaku tetamu kehormat.

Atur cara dimulakan dengan kata-kata aluan yang disampaikan oleh Dr. Vivi Nabilah binti Shaya, wakil daripada kumpulan WattSavers.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Vivi Nabilah menegaskan bahawa mesej utama FutureWatt adalah ringkas: perubahan tidak semestinya bermula dengan langkah besar, tetapi dengan kesedaran dan tindakan kecil yang berterusan.

Tegasnya lagi, tindakan-tindakan kecil yang dilakukan secara konsisten juga boleh membawa kepada perubahan yang bermakna, selaras dengan slogan FutureWatt : 'Small Actions, Big

PENGARAH IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada salah seorang penerima (kiri dan kiri sekali).

Difference'.

Sebagai khidmat kepada masyarakat, 20 lampu solar yang ditaja oleh MegaWatt Solar Solutions dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam dihadiahkan kepada penghulu mukim dan ketua kampung, selaku FutureWatt Energy Champions yang telah dikenal pasti.

"Sumbangan ini diharapkan dapat disalurkan semula kepada komuniti-komuniti di kampung masing-masing untuk dimanfaatkan sebaiknya.

"Lampu solar tersebut bolehlah digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan komuniti, sama ada di kawasan awam seperti taman rekreasi, masjid atau kebun, mahupun untuk membantu kediaman keluarga yang memerlukan," ujar Dr. Vivi Nabilah.

Majlis diakhiri dengan lawatan ke pameran yang disediakan oleh Seria Energy Lab, Unified Smart Metering Services, dan Alumni Y-Lite 2025.

Sesi dialog tersebut merupakan acara kedua bagi Projek FutureWatt, yang mana acara pertama adalah pameran mini yang diadakan di Bandarku Ceria pada 2 Ogos 2026.

Projek berkenaan ditaja oleh GoMamam, bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai penjimatan tenaga dan menangani pembaziran elektrik.

Majlis Dikir Syarafil Anam semarakkan sambutan Maulidur Rasul



SEKITAR Majlis Dikir Syarafil Anam yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis Madang (atas dan kanan).

MADANG, Khamis, 13 Ogos. - Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis Madang pada hari ini

mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam sebagai salah satu usaha untuk menyemarakkan syiar Islam serta menzahirkan rasa kasih dan kecintaan kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis ini diserikan dengan penyertaan para pendikir daripada MSSBRPAD; Kumpulan Penghulu dan Ketua Kampung Zon 2; Kumpulan Al-Mukmin, pendikir dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan; dan Al-Busyra Islamic Event Management.

Turut hadir ialah para Penasihat, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid MSSBRPAD serta para jemaah masjid.

Sementara itu, Doa Dikir dipimpin oleh Awang Nuzli bin Haji Jumat, manakala Doa Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Razman bin Haji Ramlee.

Majlis-majlis Dikir sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam ini akan diadakan secara berturut-turut selama 12 malam, sebagai usaha bersama untuk menghidupkan syiar Islam, memperbanyakkan selawat dan

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



zikir serta menyemarakkan kecintaan umat Islam kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, para penduduk Mukim Berakas 'A' dan Berakas 'B' serta orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk hadir bersama-sama memeriahkan

majlis yang penuh keberkatan ini dan mengambil kesempatan ini untuk memperbanyakkan selawat dan zikir, menghayati sirah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperbaharui rasa kasih dan cinta kita kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

KUNJUNGAN MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA PENJAGAAN KESIHATAN ANTARABANGSA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Jumaat, 14 Ogos. – Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) telah menerima kunjungan delegasi dari Royal Hospital di bawah Kementerian Kesihatan Kesultanan Oman, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan JPMC untuk menjalinkan kerjasama dengan

rakan kongsi penjagaan kesihatan antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pertukaran ilmu serta kemajuan perkhidmatan penjagaan kesihatan, baru-baru ini.

Delegasi tersebut telah dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Awang Haji

Mohd. Syafiq bin Abdullah bersama ketua-ketua jabatan dari Pusat Kanser Brunei, yang turut menyertai sesi pertemuan dan perbincangan bersama delegasi berkenaan.

Delegasi yang berkunjung terdiri daripada wakil-wakil utama sektor penjagaan kesihatan, termasuk Pengarah Pusat Onkologi Kebangsaan, Dr. Suad Al Kharusi; Dr. Thuraya Al Hajry dari Pusat Onkologi Kebangsaan serta Salha Al Ismaili dari Jabatan Kerjasama Antarabangsa.

Kunjungan tersebut memberi peluang kepada JPMC dan delegasi berkenaan untuk bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor penjagaan kesihatan, dengan perbincangan khusus memberi tumpuan kepada perkhidmatan onkologi, amalan

klinikal serta perkembangan piawai penjagaan kanser khusus.

Pertemuan tersebut turut menjadi platform untuk membincangkan bidang-bidang kerjasama yang berpotensi pada masa akan datang serta langkah seterusnya dalam memperkukuh pertukaran ilmu dan meneroka peluang kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan antara institusi penjagaan kesihatan.

Melalui pertemuan seumpama ini, JPMC terus membina hubungan dengan institusi dan pengamal penjagaan kesihatan antarabangsa, dengan mengiktiraf kepentingan perkongsian kepakaran, pengalaman dan amalan terbaik dalam menyokong usaha penambahbaikan

berterusan dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

JPMC kekal komited untuk meneroka peluang kerjasama antarabangsa yang dapat menyumbang kepada pembangunan keupayaan penjagaan kesihatan, pengetahuan klinikal serta pendekatan inovatif dalam penjagaan pesakit di Negara Brunei Darussalam.

Melalui hubungan yang diperkukuhkan bersama rakan-rakan penjagaan kesihatan di peringkat serantau dan antarabangsa, JPMC berhasrat untuk menyokong pembelajaran berterusan serta menyumbang kepada kemajuan berterusan sektor penjagaan kesihatan negara.



PUSAT Perubatan Jerudong Park (JPMC) semasa menerima kunjungan para delegasi dari Royal Hospital di bawah Kementerian Kesihatan Kesultanan Oman.

Perkhemahan Motivasi PIP YSHHB labuh tirai



SUASANA pada Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan (PIP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. – Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan (PIP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah program sokongan yang diadakan selama tiga hari, untuk membina semangat positif serta membangun dan membentuk jati diri para pelajar agar menjadi individu yang beriman, berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan berwibawa.

Seramai 60 pelajar yang terdiri daripada pelajar Tahun 11 dan

Darjah 6 sekolah ugama yang mengikuti Projek Kelas Tuisyen PIP di lapan buah Pusat Kelas Tuisyen PIP di seluruh negara.

Perkhemahan Motivasi tersebut bermula 10 Ogos 2026 bertempat di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok. Sehubungan itu, Majlis Penutup Perkhemahan Motivasi telah diadakan pagi tadi dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat), YSHHB, Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad.

Majlis diaduhulukan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Komandan Perkhemahan iaitu Dayang Norajeerah binti Usop serta ucapan daripada wakil peserta iaitu Dayang Nurul Bazillah Humairah binti Afendy.

Perkhemahan Motivasi tersebut merupakan salah satu projek di bawah PIP YSHHB yang dilaksanakan sempena

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman



cuti penggal persekolahan. Perkhemahan ini bertujuan untuk memupuk semangat positif serta membangun dan membentuk jati diri para pelajar agar menjadi individu yang beriman, berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan berwibawa.

Dengan penerapan nilai-nilai tersebut, ia diharapkan akan dapat menjadi asas dalam membantu para pelajar mencapai kejayaan dalam pendidikan dan kehidupan.

Projek Kelas Tuisyen di bawah PIP merupakan salah satu inisiatif

YSHHB khusus dalam membantu meningkatkan pencapaian pendidikan anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan yang dikenal pasti memerlukan bimbingan secara lebih intensif dalam bidang akademik.

Melalui projek ini, para pelajar diberikan sokongan dan bimbingan bagi membantu mereka meningkatkan pencapaian akademik serta meneruskan pengajian dengan lebih baik hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

MENGUKUHKAN SILATURAHIM, MENINGKATKAN UKHUWAH JEMAAH MRSB, BINTULU



SESI bergambar ramai para rombongan MRSB pada lawatan muhibah ke Bintulu, Sarawak.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir
Masjid Rashidah Sa'adatol Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. – Rombongan jemaah Masjid Rashidah Sa'adatol Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar telah mengadakan lawatan muhibah ke Bintulu, Sarawak baru-baru ini. Lawatan muhibah yang diadakan selama tiga hari itu mencerminkan semangat untuk terus mempererat lagi hubungan silaturahmi dan seterusnya memperkukuhkan ukhuwah antara Masyarakat Islam di kedua-dua pihak.

Rombongan seramai 67 orang yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah MRSB, Kampung Sungai Akar sertajemaah dari masjid lain itu diketuai bersama oleh Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Bersama MRSB.

Lawatan yang mengetengahkan tema 'Satu Perjalanan, Seribu Kenangan Ukhuwah' tersebut bukan sekadar suatu perjalanan fizikal, tetapi juga

satu usaha untuk mengukuhkan silaturahmi, meningkatkan ukhuwah serta menimba pengalaman dan ilmu dalam suasana yang penuh keberkatan.

Selain itu, ia juga merupakan satu peluang untuk berinteraksi dan bermuzakarah memberi ruang kepada rombongan lawatan untuk meninjau sendiri dan mempelajari tatacara pengurusan masjid berserta kepelbagaian aktiviti yang dikendalikan oleh masjid-masjid yang dilawati.

Program utama lawatan muhibah mengambil tempat di Masjid At-Taqwa RPR Sibiew yang mana ahli rombongan berpeluang mendengar taklimat, berbincang, melawat Madrasah At-Taqwa, ikut serta dalam persembahan Hafiah Al-Quran, mempersembahkan Dikir Brunei, menikmati persembahan qasidah dan jamuan makan bersama, dan seterusnya menyampaikan wakaf serta beberapa bakul yang berisi bahan dan barangan asas makanan seharian kepada lebih dari 55 keluarga fakir miskin.

Semasa berada di Bintulu, ahli

rombongan juga berkesempatan melawat dan berinteraksi bersama Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah di Masjid Daerah Bintulu dan Surau Darussyakirin serta juga mengadakan lawatan ke Wisma Bintulu Development Authority (BDA) dan menghadiri majlis jamuan makan malam yang dihoskan oleh pihak BDA.

Sebelum ini, pihak MRSB pernah mengadakan lawatan muhibah ke Banda Aceh, Riau dan Sumatera Barat, Republik Indonesia dan juga ke Masjid Imam Haji Awang Hashim, Pekan Sipitang, Sabah dan Masjid At-Taqwa, Miri, Sarawak iaitu sebagai suatu aktiviti riadah, bersilaturahmi dan pendedahan pengalaman serta ilmu dalam mengimarahkan masjid.

Dalam masa yang sama, untuk menghargai dan mensyukuri nikmat serta ujian kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, dalam kalangan peserta-peserta selaras dengan visi MRSB untuk menjadikan masjid berkenaan sebagai pusat ibadah dan perkembangan ilmu dan pengukuhan ukhuwah bagi membentuk masyarakat yang bertakwa, beriman dan beramal soleh bagi mencapai hasrat Negara Zikir.

Penyertaan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa kini dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (Masjid RIPAHS), Kampung Rimba, akan mengendalikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan Bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Musabaqah berkenaan adalah merupakan musabaqah peringkat awal bagi pemilihan qari dan qariah untuk melayakkan diri seterusnya ke peringkat separuh akhir yang akan dikendalikan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU.

Syarat kelayakan bagi menyertai musabaqah berkenaan ialah hendaklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (pemegang Kad Pengenalan warna kuning), beragama Islam, bermazhab Syafi'i aliran Ahli Sunnah Waljamaah; dan berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun semasa mendaftar.

Pemilihan awal peringkat saringan kebangsaan bagi tahun 1448H/2026M akan diadakan selama empat hari bermula pada 20, 21, 22, dan 24 Oktober 2026, bertempat di Masjid RIPAHS, Kampung Rimba.

Sehubungan itu, borang penyertaan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan Bagi Tahun 1448H/2026M boleh didapati di Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Bandar Seri Begawan.

Borang yang telah lengkap diisi bolehlah dihantar ke Bahagian Imarah, JHEM tidak lewat pada Sabtu, 10 Oktober 2026, pukul 4.00 petang (tertakluk kepada perubahan).

Untuk maklumat lanjut, sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan pegawai-pegawai berikut, iaitu Dayang Hajah Surinah / Tini binti Haji Shamsuddin, Bahagian Imarah, JHEM, di talian +673 8878570; Awang Riza Masdi bin Haji Mamit, Bahagian Imarah, JHEM, di talian +673 8747125; dan Awang Haji Kamaruzaman bin Haji Jakar, Bahagian Imarah, JHEM, di talian +673 8831350.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Pendaftaran SMS keputusan peperiksaan dibukakan, 14 Ogos ini

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A' dan 'AS' sesi Mei/Jun 2026.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan berkenaan boleh mendaftar melalui telefon bimbit menggunakan SMS dengan memasukkan teks berikut, iaitu

MOE<jarak>REGA<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif dan 39966 bagi pelanggan Imagine.

Ibu bapa atau penjaga serta pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan berkenaan mulai pada Jumaat, 14 Ogos 2026. Para pelanggan adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang bayaran akan dikenakan semasa pendaftaran yang dilakukan melalui telefon bimbit.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat

kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan berkenaan. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan berkenaan akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa/penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel ke moeresults@machbrunei.com.



Jangan Memandu Dibawah Pengaruh



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA









www.mkkjr.gov.bn



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ11
Quotation For The Supply,
Delivery And Installation Of
Uninterruptible Power Supply
(UPS) In Data Centre, Ministry Of
Foreign Affairs

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026,
2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
Replacement of Lighting
on High Mast no.7 - Apron Cargo,
Brunei International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 33
(kelas V atau ke atas)

Tawaran No. 02
Corrective Maintenance Works
for AGL Generator System
at Brunei International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 40
(kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 03
To Supply,
Install And Replace
Faulty Power Cable for
Street Lighting at Perimeter 03
Service Road - Brunei
International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 41
(kelas III atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Rabu,
12 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa,
25 Ogos 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
26 Ogos 2026



Bilangan Tawaran:
14 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Tawaran:
Operation And Maintenance
Works For Air-Conditioning
System At International
Convention Centre, Ministry Of
Foreign Affairs For A Period Of
Three (3) Months - FSOR

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 26 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 1002
Pembelian Alat Ganti
Kenderaan Jenis Land Rover
Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 1003
Pembelian Alat Ganti
Kenderaan Handalan
GS Cargo 4 Ton Kepunyaan
Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 1 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 8 September 2026,
2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0036 / 2026
To Supply Food Rations For
The Implementation Of The
Marine Resource Survey In The
Waters Of Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0037 / 2026
Replacement Of The Existing
Outboard Motor, Supply And
Installation Of A New Outboard
Motor With Related Accessories,
And Provision Of Maintenance
Services For Boat Bakara
BG0423, Department Of Fisheries

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0038 / 2026
Supply And Installation Of G.I
Fencing And Entrance Gate For
Two (2) Electricity Substation At
Kampung Telisai, Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
20 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bil. Tawaran:
(01-2026) JAPEM / BKA /
UBBP / 6.1 / 3

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barangan Catuan
Makanan Dan Keperluan Asas
Bagi Keperluan Bencana, Jabatan
Pembangunan Masyarakat
(JAPEM) Untuk Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis, 20 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 93 / 2025 / 2026
[HSE-OGOS-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Occupational
First Aider Bagi Pegawai Dan
Kakitangan Kementerian
Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 29 Ogos 2026
(Jam 9.00 Pagi)



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 09
Kerja-Kerja Refilling Of FM200
227EA Di Jabatan Audit
Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri
Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 September 2026,
Jam 2.00 Petang



BND 5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 92 / 26 - 27
Supply And Delivery Of Audio
Equipment For TV Studio.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 037 / 2026

Tajuk:
Menaiktaraf 11KV Metacalclad
Switchgear & Penguksuhan
Rangkaian Bagi Stesen
Pensuisan E-Government
(RECALL)

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,

Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Memunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 4
atau 5 dan mempunyai Kategori
E02 & E03 dan mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan
JPE dalam kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari
Bahagian Kaunter
Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Bilangan Tawaran:
KK / 113 / 2026 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (CSSD Consumables) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 167 / 2026 / ESTETMOH(TC)

Keterangan:
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Lifts And Dumbwaiter At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong/Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas/Kategori: -
Kategori: KPME02

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 168 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Full Body Phototherapy Machine For Dermatology Clinic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Clustering)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 169 / 2026 / UPP

Keterangan:
The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Sterilizer Machine For Central Serile Service Department (CSSD), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 170 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Medical Items (Large Fragment Plates And Screws) For Orthopaedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 171 / 2026 / JPK(TC)

Keterangan:
The Management And Operation Of Berakas Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 172 / 2026 / JPK(TC)

Keterangan:
The Management And Operation Of Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 173 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of One (1) Unit Of Ion Chromatography System For Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 174 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Flow Cytometer Reagents With Equipment Rental For National Immunology Reference Laboratory (NIRL), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 175 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Test Kit (Nucleic Acid Amplification Testing (NAT) With Equipment Rental For Blood Donor Screening Laboratory, Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 176 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For Outsourcing HPV Molecular Tests For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 177 / 2026 / DSS

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Laboratory Instrument Grade Gases (Gaseous And Liquid Form) To Department Of Scientific, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 178 / 2026 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Infusion And Transfusion Set) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 179 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply, Delivery And Maintenance Of Hearing Aids For Audiology Services, Department Of Otorhinolaryngology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 180 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Deliver, Installation, Testing And Commissioning Of



Microscope For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 181 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Deliver, Installation, Testing And Commissioning Of Ultra Low Freezer For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 24 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 25 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 26 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat 18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / TU / 001 (JPPK/LTN/06/2026)
Proposed Design And Build Of New Surau At Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei. Rimba Gadong Camp

Kelas:
V dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 25 Ogos 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
2.00 Petang

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / PEN / 004 (JPPK/LTN/15/2026)
Proposed Design And Build On Expansion Of MRS And Dental Centre, Penanjong Garrison.

Kelas:
IV Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 1 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 September 2026
2.00 Petang

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / MAB / TA / 002
Pembelian
Membaharui Lesen Perisian Trykachme
(3 Years License Renewal)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 24 Ogos 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
2.00 Petang

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI****Pemberitahuan Sebut Harga**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2026
Term Contract For Air Conditioning System In The Buildings Under The Department Of Fisheries, Negara Brunei Darussalam For 12 Months

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2026
To Supply And Install Ring Compressor Blower And Control Panel At Meragang,



Department Of Fisheries

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2026
To Supply And Delivery Of Media Laboratory Consumables For Antimicrobial Susceptibility Testing For Microbroth Dilution Method

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



KEJAYAAN MENGGENGAM SEGULUNG IJAZAH BERKAT USAHA, PENGORBANAN, KETEKUNAN

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Awang Haji Abdur Rasyid Awang Hamdani, Ak. Muhd. Arif Hafizuddin Pg. Haji Zulkarnain, Dayang Lew Yan Yan @ Vanessa



DAYANG Lew Yan Yan @ Vanessa dan Awangku Muhd. Arif Hafizuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain semasa bergambar ramai bersama keluarga mereka (atas dan atas kanan).

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Ogos. - Menggenggam segulung ijazah bukan sekadar meraih kejayaan pada hari konvokesyen, sebaliknya menjadi simbol perjalanan panjang yang dipenuhi usaha, pengorbanan, cabaran, air mata, doa dan ketekunan.

Bagi setiap graduan, perjalanan menuju kejayaan mempunyai cerita tersendiri. Ada yang berdepan dengan kemerosotan prestasi akademik, ada yang perlu membahagikan masa antara kerjaya, keluarga dan pengajian, manakala ada pula yang perlu keluar daripada zon selesa untuk membina keyakinan diri. Namun, satu perkara yang menyatukan mereka ialah keazaman untuk terus melangkah walaupun perjalanan tidak selalunya mudah.

Semasa Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-38 Tahun 2026 yang berlangsung pagi tadi, Pelita Brunei telah berkesempatan membuat temu bual bersama beberapa graduan yang memperoleh ijazah dalam bidang masing-masing selepas selesai majlis berkenaan.

Salah seorang graduan, Awang Haji Abdur Rasyid bin Awang Hamdani, pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Bidang Ekonomi Digital melalui Centre of Lifelong Learning (C3L), UBD berkongsi perjalanan beliau dalam bidang pengajian.

Dalam perkongsian, Awang Haji Abdur Rasyid membuktikan bahawa komitmen terhadap pembelajaran tidak semestinya berakhir selepas seseorang memasuki alam pekerjaan.

Beliau yang bertugas sepenuh masa sebagai Bertugas Kesihatan dan Keselamatan & Pengurus Pembangunan Bisnes dalam industri pemeriksaan dan jaminan teknikal seterusnya menjelaskan memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi adalah sebagai salah satu usaha untuk menambah dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan membuktikan

bahawa proses pembelajaran dan mengecapi kejayaan boleh dicapai walaupun sudah mempunyai kerjaya.

"Saya percaya dalam dunia yang semakin digital, ilmu perlu sentiasa dipertingkatkan agar kita mampu menyumbang dengan lebih baik kepada organisasi dan negara," katanya.

Lebih bermakna, Awang Haji Abdur Rasyid berjaya menamatkan pengajian selepas enam tahun sebagai pelajar sambilan, sambil mengimbangi tuntutan kerjaya, keluarga dan komitmen akademik, termasuk melalui tempoh pandemik COVID-19.

Cabaran terbesar yang beliau hadapi ialah pengurusan masa. Selepas waktu bekerja, beliau masih perlu menghadiri kelas, termasuk melakukan perjalanan yang agak jauh, iaitu dari Daerah Belait, menyiapkan tugas serta memastikan tanggungjawab sebagai suami, bapa dan ahli keluarga tidak diabaikan.

Disiplin, perancangan yang baik dan sokongan keluarga menjadi antara tunjang kekuatan utama beliau untuk terus bertahan. Pada masa yang sama, sentiasa meletakkan keberuntungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui doa, kesabaran dan tawakal.

Pengajian dalam bidang Ekonomi Digital turut memberikan beliau pengetahuan berkaitan teknologi digital, data, inovasi dan transformasi digital yang dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan organisasi serta membantu membuat keputusan yang lebih baik. Kajian beliau pula memberi tumpuan kepada tabiat pemakanan dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar universiti di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan melihat hubungan antara gaya hidup, pemakanan, prestasi akademik dan kesejahteraan.

Bagi Awang Haji Abdur Rasyid, ijazah yang diterima bukan sekadar pencapaian akademik, tetapi menjadi simbol kesabaran, pengorbanan dan istiqamah sepanjang

enam tahun perjalanan.

Sementara itu kisah Awangku Muhd. Arif Hafizuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain, 23 tahun, graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris pula memperlihatkan bagaimana seseorang mampu bangkit daripada kemerosotan prestasi akademik dan kembali mengejar sasaran yang diimpikan.

Beliau memilih untuk melanjutkan pengajian di UBD kerana terdorong untuk memperoleh segulung ijazah sebagai salah satu langkah mencapai matlamat masa depan, selain mempunyai minat yang mendalam terhadap pembelajaran.

Antara pengalaman paling bermakna sepanjang pengajiannya ialah peluang menyertai AUN-Thailand Summer Camp 2024 selama dua minggu sebagai wakil UBD. Program berkenaan memberinya peluang berkenalan dan berinteraksi dengan pelajar dari negara-negara ASEAN, selain bekerjasama dalam pelbagai bengkel serta menyertai aktiviti kebudayaan masyarakat Thailand.

Namun, perjalanan akademiknya tidak sentiasa berjalan lancar. Ketika berada di tahun kedua, prestasi akademiknya menurun akibat kurangnya tumpuan dan komitmen terhadap pelajaran. Beliau kemudian menyedari bahawa jika tidak mengambil tindakan untuk memperbaiki prestasi, pencapaian akademiknya akan semakin jauh daripada sasaran.

Kesedaran itu telah menjadi titik perubahan, apabila beliau bangkit di tahun akhir pengajian. Beliau mengambil keputusan untuk berusaha dengan lebih gigih, meluangkan lebih banyak masa untuk belajar dan menyiapkan tugas. Hasilnya, usaha berkenaan membuahkan kejayaan apabila berjaya mencapai sasaran akademik yang ditetapkan.

Selain bidang akademik, Awangku Muhd. Arif Hafizuddin turut memberi perhatian kepada keseimbangan kehidupan dengan membahagikan masa antara pengajian dan waktu lapang. Baginya, berehat bukan bermaksud membuang masa, sebaliknya merupakan satu keperluan untuk mengecas semula tenaga agar dapat belajar dengan lebih berkesan.

Dalam Pengajian Bahasa Inggeris pula, beliau bukan sahaja mempelajari penggunaan bahasa dalam konteks akademik dan komunikasi harian, tetapi turut mendalami bagaimana bahasa dibentuk oleh norma dan amalan budaya.

Awangku Muhd. Arif Hafizuddin turut melihat fenomena bahasa Inggeris NBD, termasuk kecenderungan masyarakat untuk bertukar kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi, sebagai satu aspek linguistik yang penting untuk dikaji dan dipelihara sebagai sebahagian daripada identiti serta budaya NBD.

Manakala Dayang Lew Yan Yan @ Vanessa, graduan dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan Robotik dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains Digital (BDSi.) pula menjelaskan, perjalanan menggenggam segulung ijazah bermula daripada minat terhadap teknologi serta keinginan untuk memahami



bagaimana teknologi boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah kompleks dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Jelasnya lagi, bidang Sains Digital dipilih kerana ia menggabungkan minat terhadap teknologi, penyelesaian masalah dan inovasi dalam satu bidang yang sentiasa berkembang. Antara pengalaman paling bermakna ialah peluang mengunjungi beberapa negara seperti Jepun, Republik Singapura dan Hong Kong melalui pelbagai program yang disokong UBD.

Pengalaman berkenaan katanya, bukan sahaja memberikan pendedahan di luar bilik kuliah, malah membantu membina kemahiran kepimpinan, komunikasi dan berikar. Berinteraksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang juga mengubah caranya melihat dunia, di samping mengajarnya supaya lebih terbuka, mudah menyesuaikan diri dan yakin terhadap kemampuan sendiri.

Namun tambahnya lagi, cabaran terbesar yang dihadapi ialah keluar daripada zon selesa dan membina keyakinan diri, khususnya dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Sebagai seorang yang agak pendiam, beliau pada awalnya sering takut untuk bersuara atau mengambil peluang kerana bimbang melakukan kesilapan. Bagaimanapun, penglibatan dalam

pelbagai program, aktiviti persatuan, kerja berkumpulan dan pengalaman berada dalam persekitaran baharu perlahan-lahan membantunya menjadi lebih berani.

Dalam bidang AI pula, Dayang Lew Yan Yan @ Vanessa melihat perkembangan teknologi yang begitu pesat sebagai satu cabaran dan peluang. AI kini semakin digunakan dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, perniagaan dan penyelidikan.

Sementara projek tesisnya memberi tumpuan kepada penggunaan AI untuk membuat ramalan autisme menggunakan imbasan otak, satu bidang yang dipilih kerana potensi manfaatnya terhadap bidang kesihatan dan masyarakat.

Berkongsi mengenai cabaran, Dayang Lew Yan Yan @ Vanessa menjelaskan antara cabaran utama ialah kekurangan data bagi menjalankan kajian secara lebih menyeluruh. Namun, pengalaman berkenaan mengajarnya bahawa penyelidikan tidak semestinya berjalan seperti yang dirancang dan seseorang perlu bersedia mencari pendekatan lain bagi mengatasi batasan yang ada.

Pengalaman itu ujanjarnya lagi, turut menyemarakkan minat untuk meneruskan penyelidikan dan bercadang melanjutkan pengajian ke peringkat PhD bagi meneroka bidang berkenaan dengan lebih mendalam.



JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

19 PESERTA PROGRAM PENULIS MUDA DIRAIKAN

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



BERAKAS, Rabu, 12 Ogos. - Program Penulis Muda 2026 : Bengkel Penulisan Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melabuhkan tirainya pada petang tadi dengan Majlis Penutupan Program Penulis Muda yang mengambil tempat di Balai Sarmayuda, DBP.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny yang turut berkesudian menyempurnakan majlis penyampaian cenderamata kepada pembimbing dan sijil kepada para peserta program.

Turut hadir, Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dr. Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, selaku pengerusi dan pengasas Program Penulis Muda, serta pegawai-pegawai kanan DBP.

Seramai 19 peserta terdiri daripada belia berumur antara 15 hingga 35 tahun telah menyertai program yang berlangsung selama tiga hari bermula 10 Ogos 2026 hingga hari ini.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada pembimbing bengkel, Ruhaini Matdarin, seorang penulis novel prolifik dari Malaysia sebelum diteruskan dengan ucapan wakil



PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Dayang Emi Suryaney binti Haji Hipny hadir selaku tetamu khas majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderamata dan sijil kepada para penerima (atas dan kiri).

peserta bengkel, Awang Muhammad Aqil bin Sapawi yang seterusnya membacakan fragmen novel hasil penulisan bertajuk 'Ali Munin'.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel serta penyampaian cenderamata kepada pembimbing bengkel sebagai tanda penghargaan DBP atas perkongsian ilmu, bimbingan dan komitmen yang diberikan sepanjang bengkel berlangsung.

Pelaksanaan bengkel ini memberikan ruang kepada para

peserta untuk mengembangkan idea serta menghasilkan karya yang lebih tersusun, kreatif dan berkualiti.

Sesi perbincangan, latihan penulisan dan perkongsian pengalaman bersama pembimbing merupakan antara pendekatan yang digunakan bagi membantu peserta memahami proses penghasilan sesebuah novel secara lebih sistematik.

Sejak mula dianjurkan pada tahun 2019 hingga 2025, program ini berjaya membimbing seramai 224 penulis muda menerusi

tujuh siri pelaksanaan. Melalui pelbagai genre bengkel penulisan kreatif yang diunkayahkan, para peserta berpeluang mendalami teknik penulisan kreatif, memperkukuh kemahiran berkarya serta memperoleh bimbingan secara langsung daripada pembimbing yang berpengalaman. DBP akan terus berusaha menyediakan platform yang kondusif bagi menyokong perkembangan bakat penulis muda serta memperkukuh ekosistem kesusasteraan di Negara Brunei Darussalam.

Hargai setiap cabaran, pengorbanan dalam meningkatkan perkembangan diri

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Ogos. - Tiga graduan Ijazah Sarjana Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkongsi pengalaman penuh cabaran, pengorbanan dan harapan mereka selepas berjaya menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 Tahun 2026 yang berlangsung hari ini.

Dayang Athiyah Najihah binti Haji Ahmad, graduan Master of Management, meluahkan rasa syukur dan terharu kerana akhirnya dapat meraikan detik yang telah lama dinantikan selepas melalui pelbagai usaha, kerja keras dan pengorbanan sepanjang pengajiannya.

Beliau mengakui bahawa cabaran terbesar yang dihadapi ialah menyesuaikan diri untuk kembali bergelar pelajar selepas beberapa tahun menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda, khususnya dalam aspek penulisan akademik yang memerlukan komitmen dan usaha yang tinggi.

Menurutnya, sokongan daripada rakan-rakan lama dan baharu serta dorongan berterusan daripada keluarga menjadi sumber kekuatan utama untuk berusaha sehingga berjaya menamatkan pengajian.

Dayang

DAYANG Nur Athiyah Najihah binti Abdul Hamid semasa ditemu bual.



Athiyah Najihah turut menyifatkan pengalaman menimba ilmu daripada para pensyarah di School of Business and Economics (SBE) serta perbincangan bersama rakan sekelas sebagai antara pengalaman paling bermakna kerana bukan sahaja memperkaya ilmu pengetahuan, malah membantu membentuk dirinya menjadi individu yang lebih matang.

Beliau berharap untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menceburi bidang pendidikan bagi berkongsi ilmu dengan generasi akan datang serta menjadi inspirasi kepada para pelajar.

Sementara itu Dayang Nur Nabila Amna binti Haji Hamdani, graduan Master of Islamic Civilization and Contemporary Issues pula berkata, cabaran utama yang dihadapinya ialah mengekalkan momentum ketika hasil usaha tidak segera kelihatan serta mengurus ketidakpastian sepanjang proses penyelidikan yang panjang.

Beliau menjelaskan bahawa motivasi

DAYANG Nur Nabila Amna binti Haji Hamdani semasa ditemu bual.



yang turun naik dan tempoh penyelidikan yang panjang kadangkala menyebabkan rasa penat dan hilang semangat, namun sokongan daripada ibu bapa, keluarga, pasangan, rakan - rakan penyelidikan dan penyelia akademik membantunya terus bertahan.

Menurutnya lagi, pencapaian paling bermakna bukan sekadar berjaya menyiapkan tesis, tetapi perubahan cara berfikir yang menjadikannya lebih sabar menghadapi ketidakpastian, lebih kritikal dalam menilai sesuatu perkara dan lebih berikar dalam mencari jawapan.

Dayang Nur Nabila Amna juga menghargai peluang berinteraksi dengan penyelia, pensyarah dan rakan penyelidik daripada pelbagai fakulti kerana pengalaman berkenaan membuka ruang untuk memahami pendekatan, cabaran dan perspektif yang berbeza.

Mengimbas detik menerima ijazah, Dayang Nur Nabila Amna menggambarkan perasaan lega, syukur, bangga dan terharu yang hadir serentak apabila mengenangkan segala cabaran, usaha dan pengorbanan sepanjang pengajian.

Beliau turut menasihatkan mereka yang ingin mengikuti Master by Research agar tidak melihat perjalanan berkenaan hanya sebagai usaha

menghasilkan tesis, sebaliknya menghargai ilmu, persahabatan, pengalaman dan hubungan yang dibina sepanjang proses pengajian.

Manakala bagi Dayang Nur Najihah binti Abdul Hamid, graduan Master of Arts (Brunei Studies) pula menjelaskan, menerima ijazah sarjana disifatkan sebagai satu detik yang sukar dipercayai selepas pelbagai cabaran yang ditempuhi sepanjang pengajian.

Beliau berkongsi bahawa cabaran paling besar ialah menunggu keputusan peperiksaan bagi program Master by Research yang bergantung sepenuhnya kepada penilaian tesis. Tempoh pemeriksaan yang mengambil masa lebih setahun menimbulkan rasa cemas dan keraguan sama ada beliau akan berhasil menyelesaikan pengajian.

Dalam masa yang sama, Dayang Nur Najihah perlu menyeimbangkan pengajian dengan tanggungjawab sebagai ibu buat pertama kali. Walaupun berdepan cabaran besar, beliau memilih untuk terus meneruskan penyelidikan tanpa mengambil cuti bersalin dan berusaha menyiapkan kajian mengikut jadual yang ditetapkan.

Beliau menyifatkan suaminya, ibu, bapa dan penyeliannya sebagai empat tonggak utama yang sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan sepanjang perjalanan akademiknya.

Menurutnya lagi, pengalaman

menjalankan penyelidikan telah banyak membentuk perkembangan peribadi dengan menjadikannya lebih sabar, berikar dan selesa berhadapan dengan ketidakpastian, memandangkan penyelidikan tidak sentiasa memberikan jawapan yang segera.

Kini bertugas sebagai seorang guru, Dayang Nur Najihah berharap dapat terus berkembang dalam bidang pendidikan dan kembali ke UBD pada masa hadapan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Mengimbas detik namanya disebut untuk menerima ijazah, beliau merasakan seolah-olah membawa bersama segala usaha, kesukaran, pengorbanan dan kerja keras yang telah membawanya ke tahap tersebut, sekali gus menyedarkan bahawa segala pengorbanan yang dilakukan benar-benar berbaloi.

Dayang Nur Najihah turut berpesan kepada para pelajar Master by Research supaya menanamkan kesabaran sepenuhnya dan terus melangkah walaupun kemajuan dirasakan perlahan, kerana penyelidikan bukanlah perjalanan yang mudah dan mendapatkan bantuan apabila diperlukan bukanlah tanda kegagalan, sebaliknya langkah bijak untuk menjadikan perjalanan akademik lebih terurus dan bermakna.

DAYANG Athiyah Najihah binti Abdul Hamid semasa ditemu bual.



MEMUPUK GENERASI CELIK AL-QURAN, MENCINTAI MASJID

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Dalam usaha memupuk semangat dalam kalangan murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara agar celik Al-Quran serta menjadikannya sebagai amalan harian yang berterusan, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Bahagian Imarah, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen mengadakan Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ke-80, Tahun 2026 pada pagi tadi.

Pertandingan berkenaan telah diadakan di Masjid Ash-Shaliheen. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang mampu membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, memandangkan bacaan Al-Quran merupakan salah satu rukun dalam sembahyang.

Selain itu, pertandingan berkenaan juga bertujuan untuk

menggalakkan kanak-kanak membaca Al-Quran sebagai amalan harian serta meningkatkan kesedaran dan minat mereka terhadap Al-Quran.

Acara berkenaan turut dihasratkan untuk melahirkan lebih ramai kanak-kanak yang celik Al-Quran dan seterusnya menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum. Di samping itu, pertandingan berkenaan dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan peserta, khususnya.

Seramai 49 peserta telah menyertai pertandingan berkenaan yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A', bagi peserta berumur antara tujuh hingga sembilan tahun, lelaki dan perempuan; manakala Kategori 'B' bagi peserta berumur antara 10 hingga 12 tahun, lelaki dan perempuan.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama berkenaan akan dapat menampilkan para peserta yang berbakat dalam pelbagai bidang. Di samping itu, pertandingan berkenaan diharap dapat mencungkil bakat dalam kalangan kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam, serta memupuk kecintaan mereka terhadap Al-Quran agar menjadikannya sebagai teman dalam kehidupan.

Usaha seumpama berkenaan juga diharap dapat menarik lebih ramai kanak-kanak untuk mengikuti pelbagai aktiviti yang dianjurkan di masjid-masjid, khususnya Kelas Al-Quran dan Muqaddam, sekali gus memupuk generasi yang celik Al-Quran dan mencintai masjid.

Membina kemahiran kepimpinan dalam kalangan Pengakap Muda



KURSUS Kepimpinan Pengakap Muda memberikan pendedahan serta membina kemahiran kepimpinan dalam pengakap muda, memupuk nilai disiplin, kerjasama, tanggungjawab, keyakinan diri dan semangat khidmat sebagai seorang pemimpin pengakap.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Ogos. - Bahagian Pengakap Muda, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Penutupan Kursus Kepimpinan Pengakap Muda yang berlangsung di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong, hari ini.

Majlis tersebut dihadiri oleh tetamu kehormat, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara Brunei Darussalam, Skip Haji Junaidi bin Haji Hussin. Turut

hadir, Ketua Bahagian Uniform dan Perkhidmatan, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop serta para pemimpin dan peserta kursus.

Kursus Kepimpinan Pengakap Muda ini merupakan perkhemahan selama tiga hari dua malam yang disertai oleh seramai 45 peserta terdiri daripada Pengakap Muda dari sembilan buah sekolah menengah serta pasukan pengakap terbuka.

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan serta membina kemahiran kepimpinan dalam kalangan pengakap muda, di samping memupuk nilai disiplin, kerjasama, tanggungjawab,

keyakinan diri dan semangat berkhidmat sebagai seorang pemimpin pengakap.

Majlis dimulakan dengan laporan kursus yang disampaikan oleh Ketua Kursus, diikuti dengan ucapan wakil peserta kursus yang menyampaikan penghargaan dan pengalaman sepanjang mengikuti kursus berkenaan.

Beliau menekankan kepentingan melahirkan generasi Pengakap Muda yang mempunyai jati diri, berdisiplin dan mampu memimpin dengan penuh tanggungjawab.

Dalam ucapan tersebut, turut ditekankan bahawa kepimpinan bukan sekadar mengenai kedudukan atau jumlah pengikut, tetapi lebih kepada keupayaan seseorang pemimpin untuk

membimbing, memberi inspirasi dan melahirkan pemimpin-pemimpin baharu.

Ucapan penutupan disampaikan oleh sesi penyampaian Sijil Penyerahan kepada para peserta, yang disampaikan oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian Sijil Penghargaan oleh Ketua Bahagian Uniform dan Perkhidmatan kepada pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan kursus tersebut.

Majlis diakhiri dengan Istiadat Bendera, sebagai simbolik semangat, disiplin dan kesetiaan dalam pergerakan Pengakap.

Diharapkan kursus ini akan menjadi titik permulaan dalam melahirkan generasi pemimpin Pengakap Muda yang beribadah, berakhlak mulia, berilmu, berdisiplin serta sentiasa bersedia untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Melalui program seumpama ini, PPNBD akan terus memberikan ruang dan peluang kepada golongan Pengakap Muda untuk mengembangkan potensi diri serta membina kemahiran kepimpinan yang dapat menyumbang kepada pembangunan pergerakan Pengakap dan masyarakat pada masa akan datang.



Puisi Khas

SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PESAMBAH 80 KALI KHATAM

Pasti tiada sebarang pesambah yang boleh mengatasi pesambah Mushaf Al-Qur'an dan pesambah bacaan Al-Qur'an, makanya pesambah 80 kali khatam adalah pesambah luar biasa yang tiada mungkin untuk dihitung untuk ditimbang nilai harganya. Betapa ia mungkin dihitung ia mungkin ditimbang, sedang semua HURUF Al-Qur'an berjumlah 320,015 (Lihat Tafsir Ibnu Katsir), maka bayangkanlah kalau SATU huruf sahaja dibaca ganjarannya adalah sepuluh pahala, maka berapakah ganjaran itu jika seluruh, HURUF Al-Qur'an dibaca? Banyak, banyak, banyak, tidak dapat dikira tidak dapat dihitung (ini baru cuma kalau SEKALI khatam, betapa jika 80 kali khatam?). Allahu Akbar! Kaya, kaya, kaya, kaya kita umat Brunei kaya Negara kita Brunei Darussalam, kaya Raja kita Khalifah dan Ulil Amri, kaya dengan BERKAT AL-QUR'AN AL-KARIM yang kita baca 80 kali khatam. Kekayaan ini adalah ia "CAHAYA" yang tidak pernah padam-padam, yang menyinari istana yang menyinari rumah yang menyinari negara, dan insya Allah juga menyinari kubur atau 'alam barzakh dan 'alam akhirat. Sesungguhnya pembaca-pembaca Al-Qur'an dinamakan mereka itu "Keluarga Al-Qur'an" yang dipesan oleh Nabi supaya jangan sekali-kali menyakiti mereka.

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
26 Safar, 1448
10 Ogos, 2026.

Dayang Siti Wardah binti Bolhassan, Ijazah Sarjana dalam bidang Kewangan Islam, UBD School of Business and Economics

"Tahniah kepada semua yang graduate! Alhamdulillah, akhirnya sampai juga kita ke penghujung perjalanan ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga yang sentiasa mendoakan, menyokong dan percaya kepada kita. Terima kasih juga kepada rakan-rakan atas segala sokongan, kenangan dan kebersamaan sepanjang perjalanan ini, serta kepada para pensyarah atas segala ilmu, tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan. Tidak lupa juga, terima kasih kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam atas peluang dan sokongan yang diberikan untuk kita melanjutkan pengajian. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi menjadi bekal untuk masa akan datang. Semoga kita semua dipermudahkan dalam urusan, dimurahkan rezeki dan berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Kepada bakal-bakal graduan, teruskan usaha, percaya pada diri sendiri dan jangan mudah berputus asa. Semoga segala usaha dan pengorbanan sepanjang pengajian nanti membuahkan hasil yang baik. Teruskan melangkah dan berikan yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan".



Dayang Nurul Nadhilah binti Haji Ahamad, Ijazah Sarjana Sastera Secara Penyelidikan, Akademi Pengajian Brunei (APB)

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana berjaya mendapatkan ijazah sarjana sastera secara penyelidikan di Akademi Pengajian Brunei. Setentunya pencapaian ini tidak mungkin terhasil tanpa sokongan, bimbingan dan doa daripada ibu bapa, keluarga, penyelia, pensyarah serta sahabat handai yang sentiasa memberikan sokongan dan menjadi sumber kekuatan sepanjang pengajian saya. Harapan saya dengan ilmu penyelidikan yang saya perolehi dapat menjadi pemangkin kepada inovasi serta memberi sumbangan ilmu pengetahuan baharu yang lebih bermakna melalui kerjasama dengan para penyelidik yang lain. Kepada mereka yang masih berjuang, ada kalanya perkara yang paling sukar bukanlah untuk menjadi yang terbaik, tetapi untuk meletakkan kepercayaan kepada diri sendiri ketika segala-galanya terasa sulit dan melelahkan. Namun, selagi kita memilih untuk tidak berhenti dan berusaha semampunya, selagi itulah masih ada harapan untuk berjaya. Kepada para graduan, TAHNIAH DAN SYABAS! Ingatlah, kejayaan yang kita perolehi hari ini bukanlah penghujung kepada sebuah perjuangan, bahkan ianya permulaan kepada sebuah perjalanan yang jauh lebih mencabar".

Mensyukuri kejayaan yang diraih

■ Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

SETIAP kejayaan yang diraih pastinya hadir bersama rasa syukur dan penghargaan terhadap segala doa, sokongan serta pengorbanan yang mengiringi perjalanan menuntut ilmu. Bagi para graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD), kejayaan menamatkan pengajian bukan sahaja menjadi satu pencapaian yang membanggakan, malah menjadi titik permulaan untuk melangkah ke fasa baharu dengan membawa bekal ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang berada di institusi pengajian tinggi.

Dk. Nur Amal Syazana binti Pg. Jamaluddin, Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan), Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah

"Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala atas limpahan rahmat, kekuatan dan kemudahan-Nya yang mengiringi perjalanan dua tahun saya dalam menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan) dengan pencapaian Kelas Pertama serta penerima Pingat Naib Canselor 2026. Terima kasih kepada keluarga saya, khususnya babu dan babah atas doa dan pengorbanan yang tidak ternilai; para pensyarah serta bekas pensyarah atas ilmu, bimbingan dan inspirasi; serta rakan-rakan yang memberikan sokongan sepanjang perjalanan ini. Saya berharap semoga ilmu dan pengalaman yang diperolehi menjadi manfaat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat, memperkasa bidang kejururawatan dan menyumbang kepada negara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035. Nasihat saya kepada mahasiswa dan mahasiswi, kejarlah kecemerlangan akademik, namun hargailah setiap pengalaman yang membentuk diri. Gunakanlah masa di universiti untuk meneroka potensi, mencabar kemampuan dan mencipta perubahan bermakna, kerana kejayaan sebenar adalah apabila ilmu yang dimiliki dapat memberi manfaat kepada orang lain".



Awang Abdul Wafiq Waqiyyuddin bin Rozaimi, Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Brunei (APB)

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi kami diberi peluang menghadiri Majlis Konvokesyen UBD sebagai seorang graduan. Perjuangan empat tahun menimba ilmu di universiti tersohor negara bukanlah pencapaian yang mudah, malah penuh dengan cabaran dan liku-liku yang mendewasakan dan mengajar erti kesungguhan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan penghargaan khas kepada keluarga saya kerana kejayaan saya sebagai graduan bukanlah atas dasar usaha saya sendiri sahaja tetapi juga atas pengorbanan dan doa keluarga saya terutamanya ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada anak sulung mereka mencapai cita-cita mengungguli segulung ijazah di peringkat tertinggi pengajian. Buat para graduan yang akan datang, kejarlah dan timba sebanyak mana ilmu yang boleh diperolehi kerana dunia itu luas dan kaya dengan ilmu. Universiti bukan noktah perjalanan untuk menimba ilmu. Tanamkan niat di dalam hati agar menuntut ilmu adalah tabiat *kitani* untuk sepanjang hayat. Selagi hayat di kandung badan, kejarlah ilmu".


Awang Ilham Rosie Syahrizal bin Durasid, Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fizik Terapan, Fakulti Sains

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, saya berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fizik Terapan dengan memperoleh Kelas Pertama. Kejayaan ini tidak mungkin saya capai tanpa doa dan sokongan berterusan daripada ibu bapa, keluarga, penyelia, pensyarah serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mendorong saya sepanjang perjalanan menuntut ilmu ini. Kepada UBD, terima kasih kerana menjadi tempat saya membesar dari segi ilmu dan kematangan sepanjang tempoh pengajian ini. Saya berharap ilmu dan kemahiran yang diperolehi dapat dimanfaatkan dan disumbangkan kepada masyarakat serta kepada bidang sains dan teknologi negara. Kepada para pelajar baharu, teruskanlah usaha dengan penuh gigih dan sabar, kerana setiap cabaran yang dilalui adalah sebahagian daripada proses menuju kejayaan. InsyaaAllah, hasil yang manis datang daripada usaha dan doa yang tidak pernah putus".



Awang Fatih Faizul Arsyad bin Abdul Qadir Zailani, Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Biologi (Melalui Penyelidikan), Fakulti Sains

"Alhamdulillah, saya bersyukur atas pencapaian Ijazah Sarjana yang telah diperolehi. Ribuan terima kasih diucapkan kepada keluarga, pensyarah-pensyarah UBD dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sepanjang perjalanan ini. Saya berharap, segala ilmu dan pengalaman yang ditimba dapat dimanfaatkan dan memberi sumbangan kepada negara dalam mencapai visi Wawasan 2035. Nasihat saya kepada para graduan adalah jangan mudah berputus asa. Percayalah, setiap usaha dan titik peluh yang dicurahkan pasti akan membuahkan hasil, insyaaAllah. Teruskan berusaha, percaya pada diri sendiri dan jangan takut untuk mencuba perkara baharu. Akhir kata, semoga kejayaan ini menjadi permulaan kepada perjalanan yang lebih baik dan bermakna untuk kita semua. Amin".



ROGOL ANAK KANDUNG, BAPA DIHUKUM PENJARA, SEBAT



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos, - Seorang bapa kandung warga tempatan berumur 36 tahun telah dijatuhkan hukuman penjara selama 27 tahun dan 15 sebatan oleh Mahkamah Tinggi, di sini.

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas defendan setelah didapati bersalah atas kesalahan merogol anak perempuannya sendiri yang bertentangan dengan Bab 376(3)(c) Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Hasil siasatan oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak,

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mendapati bahawa defendan telah melakukan perbuatan rogol terhadap anak perempuannya yang berumur 10 tahun di rumah kediaman keluarga mereka pada September 2024.

Susulan kejadian berkenaan, mangsa telah menceritakan perkara tersebut kepada ibu saudaranya sebelah ibu, yang kemudiannya membawa kepada suatu laporan dibuat kepada pihak berkuasa.

Pada akhir perbicaraan, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan dengan sewajarnya mensabitkan

defendan atas kesalahan berkenaan.

Dalam hujahan, pihak pendakwaan telah menekankan faktor-faktor yang memburukkan yang terdapat dalam kes berkenaan, khususnya umur mangsa yang masih terlalu muda dan sangat terdedah, hakikat bahawa kesalahan tersebut dilakukan di dalam rumah kediaman keluarga, serta kedudukan defendan sebagai bapa kandung mangsa, yang merupakan suatu pelanggaran serius terhadap kepercayaan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa.

Faktor - faktor yang memburukkan keadaan berkenaan telah diambil kira sewajarnya oleh mahkamah dalam menjatuhkan hukuman terhadap defendan. Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar seterusnya menyatakan bahawa, dalam melakukan kesalahan berkenaan, defendan telah menghancurkan rasa selamat yang sedia ada dalam ikatan kekeluargaan serta mengakibatkan trauma yang amat mendalam terhadap mangsa.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Mu'izzah binti Haji Sabli.

PPDB akan adakan Latihan Tembak Peluru Hidup, 15 dan 18 Ogos

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Tembak Peluru Hidup PPDB pada Sabtu, 15 Ogos 2026 dan Selasa, 18 Ogos 2026 bermula pukul 7.00 pagi hingga 2.00 petang di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihat supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan berkenaan kerana latihan tembak akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Burung Perling Mata Merah

Nama Binatang :
Burung Perling Mata Merah /
Asian Glossy Starling

Nama Saintifik :
Aplonis Panayensis

IUCN : Least Concern

CITES : Tidak tersenarai

Maklumat disediakan oleh :
Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

PADA edisi kali ini, *kitani* bakal mengenali dengan lebih dekat salah satu spesies burung tempatan yang sangat menarik iaitu Burung Perling Mata Merah atau lebih mesra dikenali dalam kalangan masyarakat tempatan sebagai Burung Selangkir. Dalam bahasa Inggeris, ia dipanggil Asian Glossy Starling.

Tahukah *biskita*? Burung Selangkir mempunyai nama saintifik *Aplonis Panayensis* dan tergolong dalam keluarga Sturnidae. Spesies burung penyanyi ini cukup mudah dikenali dengan paruhnya yang tebal dan sedikit melengkung, sekali gus memberikan rupa yang agak garang. Namun, di sebalik wajah garang itu tersirat keindahan yang memukau. Apabila disinari cahaya matahari, bulu hitam burung dewasa ini memancarkan kilauan keemasan kehijauan yang begitu memikat!

Menariknya, burung yang masih muda mempunyai rupa yang berbeza. Bahagian atas badannya berwarna kelabu keperangan, manakala bahagian dadanya

Nama Tempatan :
Burung Perling Mata Merah /
Burung Selangkir

Keluarga : Sturnidae

Order : Passeriformes

Kelas Spesies : Aves

berwarna putih berserta corak jalur-jalur gelap. Walaupun bersaiz sederhana sekitar 20 sentimeter, si kecil ini sukar untuk dilepaskan kerana siulannya yang amat nyaring dan merdu.

Taburan Burung Selangkir ini meliputi Semenanjung Malaysia, Sumatera, Borneo, Filipina dan beberapa kawasan di India. Di habitat asalnya, Burung Selangkir gemar berada tinggi di kanopi hutan tanah rendah dan hutan paya air tawar. Oleh sebab ia kerap berlindung di celah-celah dedaunan rimbun, *biskita* lazimnya akan mendengar kicauannya terlebih dahulu sebelum sempat melihat kelibatnya!

Hebatnya, burung ini sangat pandai menyesuaikan diri. Di Brunei Darussalam, selain di kawasan berhutan, *biskita* juga kerap menjumpai sekumpulan Burung Selangkir di taman-taman rekreasi, kawasan lapang, mahupun di kawasan perumahan yang mempunyai pokok-pokok besar.

Burung ini paling aktif mencari rezeki pada waktu pagi dan lewat petang. Diet utamanya merangkumi pelbagai serangga - seperti rama-rama malam, semut, kumbang, belalang dan ulat selain buah-buahan kecil. Teknik berburunya sangat tangkas; ia

akan bertenggek tenang di atas dahan sebelum menyambar mangsanya secara pantas dan tepat!

Walaupun saiznya agak kecil dan sering kelihatan di sekeliling *kitani*, Burung Selangkir sebenarnya adalah 'hero kecil' bagi hutan hujan tropika negara *kitani*! Dalam ekosistem alam, burung ini bertindak sebagai pengawal semula jadi yang membantu mengawal populasi serangga perosak. Bukan itu sahaja, apabila ia menikmati buah-buahan kecil, Burung Selangkir secara tidak langsung membantu menyebarkan biji benih untuk menumbuhkan pokok-pokok baharu di dalam hutan.

Pada masa yang sama, si kecil ini juga menjadi sumber makanan kepada pemangsa yang lebih besar dalam jaringan makanan semula jadi. Jadi *biskita*, biarpun ia kelihatan biasa dan sering hinggap di halaman rumah, kewujudan Burung Selangkir ini membawa sumbangan yang amat besar demi keharmonian alam sekitar *kitani*.

Dari segi pemuliharaan, Burung Selangkir ini berada dalam Kategori 'Least Concern' iaitu populasinya masih kukuh dan stabil di bumi Brunei Darussalam. Malah, spesies ini juga Tidak Disenaraikan dalam mana-mana apendiks terancam Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES). Namun begitu, usaha pemantauan tetap penting kerana sebarang perubahan atau gangguan pada habitat hutan boleh memberi kesan kepada kelangsungan hidup mereka jika tidak diurus dengan



Sumber Foto : BWPC 2022\BWPC 2022 Birds Category \ Birds All Files \ 19. B19 Some Photos Beyond Mac 2020

baik. Kehadiran Burung Selangkir bukan sekadar mewarnai biodiversiti negara *kitani*, malah ia mempunyai potensi besar sebagai daya tarikan ekopelancongan! Setiap hidupan liar - kecil mahupun besar - mempunyai 'tugas rasmi' dalam menjaga keharmonian alam. Sama-samalah *kitani* menghargai dan memelihara khazanah alam semula jadi ini, agar keindahannya terus dapat dinikmati oleh generasi *kitani* hari ini dan generasi yang akan datang.

Ringkasnya *biskita*, kehadiran Burung Selangkir ini sebenarnya penanda bahawa hutan *kitani* masih sihat dan terpelihara. Hutan yang baik memberi ruang yang selamat untuk mereka mencari makan dan membiak. Sebab itulah pemeliharaan hutan asli amat penting bukan sahaja untuk melindungi Burung

Selangkir, tetapi demi menjaga kekayaan biodiversiti Negara Brunei Darussalam.

Jadi *biskita*, marilah *kitani* bersama-sama menjaga hutan dan habitat semula jadi *kitani*.

Setiap usaha pemuliharaan yang *kitani* lakukan hari ini, sekecil mana pun ia, amat bermakna dalam memastikan Burung Selangkir dan seluruh biodiversiti negara kekal selamat untuk dinikmati generasi akan datang.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar *Kitani* dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan *Kitani*...'

INSIDEN FERI SELAT LOMBOK : MANGSA MENINGKAT KE 212



JAKARTA, 13 Ogos. - Jumlah mangsa kebakaran feri penumpang KMP Putri Yasmin di Selat Lombok, Republik Indonesia meningkat kepada 212 selepas 39 orang lagi dibawa ke darat.

Pejabat Mencari dan Menyelamat (SAR) Mataram berkata angka terbaharu itu terdiri

daripada 211 orang yang terselamat dan seorang penumpang yang disahkan meninggal dunia.

Agensi itu memaklumkan 39 orang telah dipindahkan dari tempat kejadian oleh KMP Parama Kalyani, yang tiba di Pelabuhan Lembar pada kira-kira 9.40 malam

waktu tempatan pada Rabu.

Mangsa telah dibawa ke pusat kawalan untuk pemeriksaan perubatan dan rawatan lanjut.

"Sinergi dan penyelarasan antara pelbagai pasukan di lapangan terus diperkukuh untuk memastikan semua mangsa menerima bantuan segera dan

optimum," menurut agensi itu di media sosial.

Kebakaran di KMP Putri Yasmin dilaporkan berlaku pada 4.15 pagi waktu tempatan ketika kapal itu sedang belayar dari Pelabuhan Padang Bai di Bali ke Pelabuhan Lembar di Nusa Tenggara Barat.

Pejabat SAR Mataram

menerima laporan kecemasan pada 4.39 pagi. Operasi mencari dan menyelamatkan dilancarkan melibatkan kapal penyelamat dan bot serta pengawasan udara, dengan kapal yang beroperasi di kawasan sekitar turut membantu dalam pengungsian.

- ©BERNAMA

Republik Rakyat Bangladesh bakal bawa delegasi besar ke pameran industri halal di Kuala Lumpur

HYDERABAD, 12 Ogos. - Republik Rakyat Bangladesh berhasrat untuk memperkukuh kerjasama dengan Malaysia dalam industri halal, dengan satu delegasi perniagaan besar dijadualkan menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2026 di Kuala Lumpur bulan depan bagi meneroka perkongsian dalam bidang pelancongan halal, logistik dan zon pemprosesan eksport.

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh-Malaysia (BMCCI) Mohammad Anwar Shahid berkata badan perdagangan yang berpangkalan di Dhaka itu akan menggunakan MIHAS sebagai platform untuk berinteraksi dengan syarikat serta agensi kerajaan Malaysia, termasuk mendapatkan sokongan bagi persidangan halal antarabangsa yang dicadangkan untuk diadakan di Republik Rakyat Bangladesh pada Mac tahun hadapan.

"Kami akan berusaha sebaik

mungkin untuk membangunkan kerjasama dengan Malaysia bagi mengembangkan industri halal kami, memandangkan Bangladesh bukan sahaja pasaran yang besar, malah kami juga berhasrat untuk meningkatkan eksport kami," katanya kepada Bernama.

BMCCI dijangka membincangkan inisiatif tersebut dengan agensi Malaysia termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Perbadanan Pembangunan Halal (HDC), semasa MIHAS 2026 yang akan berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) dari 23 hingga 26 September.

"Kami akan membawa delegasi besar dari Bangladesh ke MIHAS kali ini. Kami berhasrat menjalin kerjasama dengan Malaysia dalam bidang seperti pelancongan halal, logistik dan zon pemprosesan eksport," kata Mohammad Anwar.

Beliau berkata Biro Promosi Eksport (EPB) Bangladesh juga telah menyatakan sokongan terhadap cadangan persidangan antarabangsa tersebut.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Republik Rakyat Bangladesh Mohd. Shuhada Othman menekankan potensi besar bagi kerjasama Malaysia - Republik Rakyat Bangladesh dalam industri halal semasa webinar anjuran BMCCI baru-baru ini yang bertajuk "Peluang Perdagangan dan Pelaburan Dua Hala di Malaysia menerusi Penyeretaan dalam MIHAS Ke-22 2026".

Beliau menggalakkan komuniti perniagaan Republik Rakyat Bangladesh untuk menyertai secara aktif platform perniagaan halal terkemuka dunia itu bagi meneroka peluang baharu dalam perdagangan, pelaburan dan perkongsian strategik.

Republik Rakyat Bangladesh merupakan rakan dagang ke-28 terbesar Malaysia di

peringkat global. Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat Bangladesh mencatatkan nilai RM12.18

bilion pada 2025 dengan nilai eksport Malaysia mencecah kira-kira RM10 bilion.

- ©BERNAMA

Pekerja remaja maut dalam telaga selepas gangguan elektrik di Republik Filipina

MANILA, 12 Ogos. - Seorang pekerja muda meninggal dunia di dalam telaga sedalam 17 meter di sebuah kampung di utara Republik Filipina, lapor Xinhua yang memetik media tempatan Manila Bulletin pada Rabu.

Mangsa berusia 16 tahun itu, yang merupakan penduduk pekan Pinukpuk di Pulau Luzon, utara Republik Filipina, terperangkap selama hampir empat jam di dalam telaga tersebut dan ditemukan meninggal dunia apabila dikeluarkan pada Selasa.

Menurut polis tempatan, buruh remaja itu sedang menyiapkan kerja di dalam telaga berkenaan apabila gangguan bekalan elektrik menyebabkan alat pengudaraan yang membekalkan udara ke ruang terkurung itu berhenti berfungsi.

Pasukan penyelamat berusaha selama beberapa jam untuk mengeluarkan mangsa daripada telaga. Dia disahkan meninggal dunia di tempat kejadian, kata ketua polis tempatan, Kapten Tyrone John Balanay.

Ketiadaan bekalan udara mungkin punca kematian mangsa namun punca sebenar kejadian masih belum dipastikan, menurut seorang pegawai polis tempatan. - ©BERNAMA

Beijing tutup lokasi pelancongan, gantung perkhidmatan bas akibat hujan berterusan

BEIJING, 12 Ogos. - Beijing menutup tarikan pelancongan, menggantung perkhidmatan bas, menghentikan sementara kerja pembinaan serta memindahkan penduduk dari kawasan berisiko tinggi ketika hujan lebat terus melanda ibu negara Republik Rakyat China itu pada Rabu, lapor Xinhua.

Bandar raya itu menutup 151 tarikan pelancongan dan 157 tapak perkhemahan serta menggantung operasi lebih 4,100 inap desa di kawasan luar bandar.

Sebanyak 250 laluan bas dihentikan, manakala tren di 10 laluan kereta api bawah tanah diarahkan beroperasi pada kelajuan lebih rendah.

Semua perkhidmatan bot persiaran turut digantung.

Beijing merekodkan purata taburan hujan sebanyak 23.5 milimeter (mm) dari tengah hari Selasa hingga 8 pagi Rabu, dengan hujan paling lebat dilaporkan di Daerah Miyun yang mencatat 199.6mm.

Menurut pihak berkuasa, menjelang 6 petang Selasa, penduduk di perkampungan kawasan pergunungan, kawasan rendah dan lokasi lain yang berisiko dilanda banjir serta bencana geologi telah dipindahkan.

Lebih 5,000 warga emas dipindahkan dari 271 pusat penjagaan, manakala lebih 280 individu dipindahkan dari lima

kemudahan yang menyediakan perkhidmatan untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Kesemua 3,357 tapak pembinaan di seluruh bandar raya itu turut diarahkan menghentikan sementara operasi.

Pihak berkuasa juga meningkatkan langkah kawalan banjir, dengan air dari takungan dilepaskan lebih awal bagi menyediakan kapasiti simpanan tambahan.

Pusat Meteorologi Kebangsaan memperbaharui amaran jingga bagi hujan lebat pada Rabu, dengan keadaan itu diramal berterusan di banyak kawasan di seluruh negara hingga pagi Khamis. - ©BERNAMA

15 maut bot karam di Zimbabwe

MOSCOW, 12 Ogos. - Sekurang-kurangnya 15 orang maut selepas sebuah bot yang membawa lebih 160 penumpang karam di Tasik Kariba, Zimbabwe pada Selasa, menurut penyiar tempatan ZBC, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pasukan penyelamat setakat ini menemukan 15 mayat dan menyelamatkan 74 orang, manakala kira-kira 75 lagi masih hilang, menurut laporan itu.

Jumlah penumpang yang berada di atas bot milik Agensi Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar itu tidak termasuk kanak-kanak berusia bawah empat tahun yang tidak memerlukan tiket berasingan.

ZBC memaklumkan lima kru turut berada di atas bot berkenaan. Operasi mencari dan menyelamatkan masih diteruskan. - ©BERNAMA

Britain larang penggunaan cermin mata Meta di mahkamah

MOSCOW, 12 Ogos. - Pihak berkuasa Britain melarang penggunaan cermin mata Meta yang dilengkapi ciri kecerdasan buatan (AI) dan rakaman video di mahkamah di England dan Wales, menurut Perkhidmatan Mahkamah dan Tribunal Diraja (HMCTS), lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Terdapat sekatan jelas terhadap merakam foto atau video di dalam mahkamah dan tribunal, justeru penggunaan cermin mata Meta adalah dilarang," kata seorang pegawai HMCTS seperti dipetik akhbar The Guardian pada Selasa.

Menurut seorang pegawai yang enggan dikenali, pengguna yang membawa cermin mata Meta ke mahkamah atau tribunal akan diminta menyerahkan peranti itu ketika memasuki premis dan ia akan dipulangkan semula apabila mereka meninggalkan bangunan. - ©BERNAMA

AS hantar pasukan bantuan bencana ke Colombia

WASHINGTON, 12 Ogos. - Pasukan bantuan kecemasan Amerika Syarikat (AS) akan tiba di Colombia hari ini bagi menyokong usaha kerajaan menangani kesan gempa bumi yang melanda negara itu, menurut Jabatan Negara AS pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Pentadbiran Trump dan Kedutaan AS di Colombia terus berhubung secara langsung

dengan pentadbiran Presiden Colombia Abelardo de la Esperiella susulan gempa bumi tragis yang melanda Colombia semalam.

"Semalam, AS mengaktifkan Pasukan Tindak Balas Bantuan Bencana (DART) yang akan tiba di Colombia hari ini bagi menyokong operasi kritikal kerajaan, pelaksanaan program serta penyelarasan keseluruhan tindak balas," menurut jabatan itu menerusi platform media sosial

X.

Gempa bumi berukuran 7.4 magnitud melanda pada pagi Isnin dengan pusat gempa terletak berhampiran perbandaran San Jose del Palmar di Jabatan Choco.

Gegaran turut dirasakan di sebahagian besar Colombia serta negara jiran. Angka korban setakat ini meningkat kepada 234 orang manakala lebih 1,300 cedera. - ©BERNAMA



TUJUH PEKERJA TERKORBAN DALAM BENCANA TEROWONG DALAM PEMBINAAN DI REPUBLIK INDIA

HYDERABAD, 14 Ogos. - Tujuh pekerja terkorban selepas air dan runtuhannya memasuki sebuah terowong projek hidroelektrik yang sedang dalam pembinaan di negeri Uttarakhand, utara Republik

India.

Bencana itu berlaku pada Khamis di tapak kerja Perbadanan Pembangunan Hidro Tehri di Pipalkoti dalam daerah Chamoli, lapor media tempatan pada Jumaat.

Seramai 28 pekerja dilaporkan

terperangkap di dalam terowong berkenaan susulan kejadian tanah runtuh dan resapan air.

Tujuh daripada 19 pekerja yang dibawa ke hospital daerah disahkan meninggal dunia, menurut laporan The Economic

Times.

Pasukan agensi bencana masih meneruskan usaha untuk menyelamatkan mereka yang masih terperangkap di dalam terowong dengan selamat, lapor penyiar rasmi Doordarshan. - ©BERNAMA

Lebih 260 pelajar Republik Indonesia dimasukkan ke hospital disyaki keracunan makanan

JAKARTA, 14 Ogos. - Sekurang-kurangnya 269 pelajar di wilayah Sumatera Utara, Republik Indonesia dimasukkan ke hospital sejak Khamis selepas mengalami gejala disyaki keracunan makanan selepas makan tengah hari, menurut laporan media tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Pelajar dari lima sekolah di Kabupaten Karo itu mengalami loya, muntah, ruam kulit dan dalam beberapa kes, kesukaran bernafas. Mereka dibawa ke hospital tempatan untuk menerima rawatan.

Pegawai pendidikan tempatan Zulkarnain Barus berkata hidangan kari ikan disyaki menjadi punca keracunan itu, sambil menambah sampel makanan dari dapur pembekal telah dihantar untuk ujian makmal.

Barus mengesahkan semua pelajar yang terjejas kini berada dalam keadaan stabil. - ©BERNAMA

Kebakaran feri di Selat Lombok: Pencarian lima mangsa hilang masuk hari ketiga

JAKARTA, 14 Ogos. - Operasi pencarian lima individu yang dipercayai masih hilang susulan kebakaran feri penumpang KMP Putri Yasmin di Selat Lombok, Republik Indonesia memasuki hari ketiga pada Jumaat, dengan pihak berkuasa memperluas kawasan pencarian dan mengerahkan tiga Unit Mencari dan Menyelamat (SRU).

Pejabat Mencari dan Menyelamat (SAR) Mataram memaklumkan tiga SRU itu menjalankan pencarian di laut dan udara, dengan kapal penyelamat KN SAR 220 Mataram dan KAL Lembar dikerahkan ke kawasan perairan berkenaan, manakala sebuah helikopter Finns SGI Air Bali menjalankan pemantauan dari udara.

"Memasuki hari ketiga operasi SAR KMP Putri Yasmin, kami mengerahkan sepenuhnya sumber yang ada dengan tiga SRU menjalankan pencarian di permukaan laut dan pemantauan dari udara," menurut pejabat itu menerusi hantaran di media sosial pada Jumaat.

Dalam perkembangan terkini setakat 6 petang waktu tempatan pada Khamis, pejabat itu memaklumkan lima individu masih hilang, manakala operasi pencarian oleh pasukan darat, laut dan udara pada hari berkenaan belum membuahkan hasil.

Seramai 212 orang dipindahkan sejak kebakaran berlaku di KMP Putri Yasmin pada awal pagi Rabu, dengan 211 daripadanya terselamat dan seorang maut.

Feri penumpang itu sedang belayar melalui Selat Lombok dari Bali menuju ke Lombok apabila kebakaran berlaku. - ©BERNAMA

Sweden turunkan had umur minimum tanggungjawab jenayah kepada 14 tahun

ISTANBUL, 14 Ogos. - Parlimen Sweden pada Khamis meluluskan penurunan had umur minimum tanggungjawab jenayah kepada 14 tahun, lapor Anadolu Ajansi yang memetik penyiar awam SVT.

Langkah itu membolehkan kanak-kanak berusia 14 tahun dijatuhi hukuman penjara bagi kesalahan yang sangat serius termasuk pembunuhan, rogol teruk dan kesalahan berat berkaitan senjata. Cadangan itu diluluskan dengan 281 undi menyokong berbanding 66 menolak, manakala dua ahli Parlimen tidak hadir.

Kerajaan dan parti berhaluan kanan Sweden Democrats sebelum ini berusaha menurunkan umur berkenaan kepada 13 tahun, namun menarik balik cadangan itu selepas mendapati ia tidak mendapat sokongan mencukupi di Parlimen.

Pemimpin Sweden Democrats Jimmie Akesson menyambut baik keputusan itu dan menyifatkannya sebagai "satu langkah ke arah yang betul." - ©BERNAMA

Letupan besar gegarkan kilang peluru berhampiran Rom

ROM, 14 Ogos. - Satu letupan kuat menggegarkan sebahagian kilang peluru berhampiran ibu negara Itali, Rom pada Khamis susulan kebakaran, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Menurut laporan awal dari kilang KNDS Ammo Italy, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Kenyataan anggota kecemasan di lokasi menunjukkan kebakaran dan letupan itu berlaku di kawasan pemrosesan dan pematatan serbuk, menurut laporan agensi berita ANSA.

Punca sebenar kejadian masih dalam siasatan. Bagaimanapun, agensi itu yang memetik sumber rasmi melaporkan tiada syak wasangka awal bahawa kejadian itu berpunca daripada perbuatan khianat atau sabotaj.

KNDS Ammo Italy merupakan sebahagian daripada syarikat pertahanan Republik Perancis-Republik Persekutuan Jerman, KNDS. Kilang di bandar Colleferro, selatan Rom itu menghasilkan peluru dan produk pertahanan lain.

Penduduk di kawasan

berkenaan berkata mereka terdengar bunyi dentuman kuat. Video yang tular di media sosial menunjukkan kebakaran besar di lokasi itu, diikuti letupan dahsyat dan kepulan asap besar berbentuk cendawan menjulang ke udara.

"Kejutan yang dirasai amat besar, namun pada masa ini penting untuk kekal tenang dan paling utama, tidak menyebarkan maklumat palsu," tulis Datuk Bandar Colleferro Giulio Calamita di Facebook. - ©BERNAMA

Pendaki Jerman maut terjatuh di pergunungan Alps, Austria

VIENNA, 14 Ogos. - Seorang pendaki Jerman berusia 36 tahun maut selepas terjatuh sejauh 50 hingga 100 meter ketika melakukan pendakian di Pergunungan Alps Austria, menurut polis pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Lelaki itu sedang mendaki bersama bapa mentua dan dua abang iparnya di Pergunungan Alps Zillertal di Tyrol apabila hilang keseimbangan di laluan sempit ketika menuruni gunung.

Mangsa gagal berpaut pada kabel keselamatan keluli lalu jatuh ke kawasan yang curam dan berbatu.

Tiga rakannya turun mendapatkan mangsa dan cuba menyedarkannya, manakala seorang daripada mereka menghubungi perkhidmatan kecemasan. Pasukan perubatan kecemasan yang tiba dengan helikopter turut berusaha menyelamatkan mangsa, namun mangsa meninggal dunia di lokasi

kejadian. Mayatnya kemudian dibawa keluar menggunakan helikopter polis.

Kejadian itu berlaku di Morchenscharte, sebuah laluan pergunungan pada ketinggian lebih 2,800 meter dari aras laut. Beberapa hari sebelum itu, seorang pendaki Jerman berusia 74 tahun turut maut akibat terjatuh di East Tyrol. Penyiasat percaya mangsa juga terjatuh ketika menuruni gunung. - ©BERNAMA

Kebakaran di UK cetus ribuan panggilan kecemasan

LONDON, 14 Ogos. - Kebakaran besar yang melanda West Midlands mencetuskan ribuan panggilan kecemasan 999 pada hari paling panas di United Kingdom (UK) tahun ini, lapor PA Media/dpa.

Ketua Pegawai Bomba Perkhidmatan Bomba West Midlands Simon Tuhill berkata kebakaran besar di Stourbridge menyebabkan kemusnahan meluas selepas api dipercayai bermula di kawasan berumput sebelum merebak ke kediaman berhampiran.

Lebih 100 anggota bomba dikerahkan ke lokasi kebakaran, manakala beberapa penduduk terpaksa meninggalkan rumah masing-masing. Enam orang

diberikan rawatan di lokasi kejadian dan dua daripadanya dibawa ke hospital akibat terhidu asap.

Perdana Menteri UK Andy Burnham memberi penghargaan kepada anggota bomba yang bertugas dalam keadaan sukar serta berkata beliau berhubung dengan pemimpin tempatan dan perkhidmatan kecemasan berhubung situasi itu.

Pejabat Meteorologi UK merekodkan suhu 38.1 darjah Celsius di Kew Gardens, London pada Khamis, kali kedua tahun ini suhu negara itu mencecah 38 darjah Celsius.

Kebakaran turut dilaporkan di Worcestershire dan Warwickshire. Di Pershore, 30

kediaman dikosongkan selepas kebakaran besar, manakala kira-kira 200 rumah terputus bekalan elektrik.

Syarikat bekalan air Severn Trent Water turut memberi amaran mengenai kemungkinan gangguan bekalan air di beberapa kawasan West Midlands susulan penggunaan pili bomba oleh pasukan penyelamat.

Asap daripada kebakaran turut menyebabkan sebahagian lebuh raya M6 arah utara ditutup sementara sebelum dibuka semula, namun kesesakan sepanjang kira-kira enam batu dilaporkan. Siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti punca kebakaran di Stourbridge. - ©BERNAMA

MENGERATKAN PERSAHABATAN MELALUI SUKAN TAEKWONDO

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam

BERAKAS, Rabu, 12 Ogos. – 6th Korean Ambassador Cup telah melabuhkan tirainya di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, selepas berlangsung selama tiga hari dengan persaingan sengit yang melibatkan lebih 300 atlet dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Berlangsung dari 7 hingga 9 Ogos 2026, kejohanan ini menghimpunkan para atlet dalam Acara Kyorugi, Poomsae dan Hanmadang, sekali gus menyediakan platform serantau yang kukuh bagi para atlet menguji kemahiran, memperoleh pengalaman berharga dalam pertandingan serta mengeratkan persahabatan melalui Sukan Taekwondo.

Kejohanan ini dianjurkan bersama oleh Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam (BDTA) dan Kedutaan Besar Republik Korea di NBD dan terus memainkan peranan

dalam mengukuhkan hubungan persahabatan yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara melalui bidang sukan dan pembangunan belia.

Bagi Acara Kyorugi, United Taekwondo Gym muncul sebagai juara keseluruhan, manakala Hierofalcon Taekwondo Club (Sabah) meraih naib juara pertama dan Han Loong Taekwondo Club (Sabah) di tempat naib juara kedua.

Awang Mohammad Alwi Naqquiddin bin Mohammad Nordi dari United Taekwondo Gym dinobatkan sebagai Pemain Lelaki Kyorugi Terbaik, manakala Dayang Nur Izzah At-Thoyyibah binti Awang Haji Mohd. Zulizzo dari Wiraseni PAP Masnah dinobatkan sebagai Pemain Wanita Kyorugi Terbaik.

Sementara Acara Poomsae, Kelab Taekwondo Warisan Sendakan muncul sebagai juara keseluruhan, diikuti Han Loong Taekwondo Club (Sabah)

sebagai naib juara pertama dan 018 MMA sebagai naib juara kedua.

Aleister Xavier Ng Zhen Zi dari Han Loong Taekwondo Club menerima anugerah Pemain Lelaki Poomsae Terbaik, manakala Dayang Nur Azeemah Raihani binti Pengiran Azizul Rahman dari 018 MMA dinobatkan sebagai Pemain Wanita Poomsae Terbaik.

Acara Hanmadang pula, Borneo Star Taekwondo Club meraih gelaran juara keseluruhan, manakala United Taekwondo Gym muncul sebagai naib juara pertama dan Hybrid Martial Arts Academy sebagai naib juara kedua.

Anugerah individu bagi kategori ini diberikan kepada Daniell Trump Hiew Long Guan dan Daniella Huew Wei Ping, kedua-duanya dari Borneo Star Taekwondo Club, yang masing-masing dinobatkan sebagai Pemain Lelaki Hanmadang Terbaik dan Pemain Wanita Hanmadang Terbaik.

Walaupun kejohanan ini meraikan para pemenang, BDTA menegaskan bahawa setiap atlet yang menjejakkan kaki ke gelanggang pertandingan merupakan pemenang dalam perjalanan mereka sendiri.

Dedikasi, disiplin dan keberanian yang ditunjukkan sepanjang tiga hari pertandingan mencerminkan nilai sebenar Taekwondo iaitu rasa hormat, ketekunan, daya tahan serta usaha berterusan untuk memperbaiki diri.

BDTA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duta Besar Republik Korea ke NBD,



DUTA Besar Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Sun Nam-kook semasa sesi bergambar ramai bersama para penerima.

Tuan Yang Terutama Sun Nam-kook serta Kedutaan Besar Republik Korea di NBD atas persahabatan dan sokongan berterusan dalam menjayakan kejohanan ini.

Persatuan turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, atas sokongan yang tidak ternilai. Kejohanan ini telah mendapat kelulusan daripada JBS, mencerminkan komitmen berterusan jabatan berkenaan dalam membangunkan bidang belia dan sukan di NBD.

BDTA juga mengiktiraf dedikasi para jurulatih, pengadil,

pegawai teknikal, sukarelawan, jawatankuasa penganjur, kelab-kelab yang mengambil bahagian, ibu bapa, penaja serta para penyokong yang telah menyumbang secara kolektif dalam memastikan kejohanan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penutupan 6th Korean Ambassador Cup menandakan satu lagi lembaran penting dalam perkembangan Sukan Taekwondo di NBD, di samping mengukuhkan hubungan sukan serantau serta membuka peluang baharu kepada para atlet untuk bertanding, berkembang dan mengejar kecemerlangan.

Inisiatif baharu bagi pembangunan sukan memanah

Siaran Akhbar dan Foto : Ar-Rafi Archery Sport Academy Centre



BELAIT, Khamis, 13 Ogos. - Ar-Rafi Archery Sport Academy Centre (PASMA/ASAC) telah merasmikan cawangan baharu, menandakan satu inisiatif baharu bagi pembangunan sukan memanah, pendidikan, dan aktiviti berkaitan.

Pendaftaran dibuka kepada semua individu yang berminat dan akan dilaksanakan berdasarkan kepada kapasiti yang ditetapkan. Sesi program akan dijalankan mengikut jadual Liang Lumut Recreational Club (LLRC) atau berdasarkan permintaan pelanggan.

Tujuan LLRC dibuka adalah sebagai kerjasama sejak awal dengan LLRC; meningkatnya pelanggan dari Kuala Belait melalui pendaftaran dibuka sekarang; peringkat awal dibuka mengikut keramaian kelas tidak kurang 12 penuntut; mengikut keperluan pelanggan; bagi sekolah tertakluk kepada keramaian dan juga sebagai membuka peluang pekerjaan bagi pemuda Daerah Belait.

Kontinjen NBD berlepas ke Selangor bagi SUKMA XXII



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman semasa hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Rabu, 12 Ogos. - Seramai 30 orang ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada 13 orang atlet sukan Pencak Silat dan empat orang atlet sukan Taekwondo, serta 13 orang pegawai kontinjen termasuk Chef de Mission, Pegawai Urus Setia, Pegawai Perubatan, Pengurus dan Jurulatih telah berlepas bagi menyertai kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XXII, Selangor 2026.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah wakil-wakil

daripada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD, Menteri (Penerangan), Puan Masliza Mahamood, dan Penasihat Pertahanan, Kolonel Haji Nor Azizi bin Abdullah; pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan; wakil-wakil Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam dan Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam; serta keluarga atlet.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Atlet-atlet Pencak Silat negara akan mula bertanding pada 14 Ogos 2026 bertempat di Dewan Seri Sarjana, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bagi acara Kategori Putera Silat Tanding -

Tanding Kelas 'A' 45-50 kilogram (kg); Tanding Kelas 'B' 50-55kg; Tanding Kelas 'C' 55-60kg; Tanding Kelas 'D' 60-65kg; Tanding Kelas 'E' 65-70kg; Tanding Kelas 'F' 70-75kg dan Tanding Kelas 'G' 75-80kg; Kategori Puteri Silat Tanding - Tanding Kelas 'A' 40-45kg dan Tanding Kelas 'B' 50-55kg; Kategori Putera Silat Seni - Tunggal Putera; dan Kategori Puteri Silat Seni - Tunggal Puteri dan Regu Puteri.

Manakala atlet sukan Taekwondo negara akan mula bertanding juga pada 14 Ogos 2026 di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam dalam acara Kategori Lelaki Kyorugi - Tidak melebihi 58kg dan 63kg dan melebihi 87kg; dan Kategori Wanita Kyoguri - Tidak melebihi 53kg.

Rombongan keempat akan bertolak ke Selangor, Malaysia pada Khamis, 13 Ogos 2026.



KEMENTERIAN KEWANGAN ADAKAN WALKATHON 2026



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu kehormat pada Walkathon 2026 (kiri dan kiri sekali).

dengan 'Competitive Platinum' 3km.

Walkathon 2026 diadakan merupakan inisiatif kementerian ini dalam mengimbangi kesihatan mental dan fizikal, yang mana aktiviti sukan bukan sahaja ia dapat menyihatkan badan bahkan ia dapat mewujudkan kecerdasan minda dan fizikal serta di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini serta jabatan-jabatan di bawahnya. Aktiviti Walkathon 2026 pada tahun ini dikelolakan oleh Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Walkathon 2026 baru-baru ini bermula di kawasan letak kereta VIP, kementerian berkenaan, mengelilingi Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar dan diakhiri

di bangunan Kementerian Kewangan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada aktiviti tersebut ialah Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan

di bawahnya berserta pegawai dan kakitangan dari Brunei Darussalam Central Bank.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan senaman pemanasan badan dan diteruskan dengan larian pertandingan 'Competitive Run' sejauh 5 kilometer (km), larian rekreasi 'Fun Run' 2km dan diikuti

Kontinjen keempat negara berlepas sertai SUKMA XXII

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos. - Rombongan keempat kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berlepas bagi menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII yang akan diadakan di Selangor, Malaysia.

Rombongan berkenaan terdiri daripada pasukan badminton yang diwakili empat atlet dan seorang jurulatih; pasukan olahraga yang terdiri daripada

seorang atlet dan seorang jurulatih; serta pasukan sepak takraw yang melibatkan lapan atlet, seorang pengurus dan seorang jurulatih.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar serta menyampaikan ucapan nasihat dan kata-kata motivasi kepada para rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Timbalan Pengarah Belia dan

Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, wakil-wakil daripada Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam, Persatuan Olahraga Brunei Darussalam dan Persatuan Sepak Takraw NBD, serta keluarga para atlet.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan

penyampaian ucapan nasihat serta kata-kata motivasi kepada kontinjen NBD. Majlis kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Atlet badminton negara dijadualkan bertanding pada 15 Ogos 2026 di Setia City Convention Centre Hall 1 dan 2, Shah Alam, Selangor bagi acara perseorangan lelaki, beregu lelaki dan berpasukan lelaki.

Sementara itu, pasukan sepak takraw pula akan memulakan saingan pada tarikh yang sama di Arena

MBSJ Puchong, Selangor bagi acara regu dan Doubles.

Bagi pasukan olahraga pula, wakil negara akan berentap dalam acara 800 meter lelaki pada 16 Ogos 2026 yang berlangsung di Stadium Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Penyertaan rombongan keempat berkenaan diharap akan terus menyemarakkan semangat juang para atlet negara dalam mengharumkan nama NBD di pentas SUKMA XXII, di samping memberikan saingan terbaik dalam acara masing-masing.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa sesi bergambar ramai bersama rombongan keempat kontinjen NBD yang akan menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII yang akan diadakan di Selangor, Malaysia

TAHUKAH AWDA

PERKHIDMATAN Psikologi Klinikal dan Komuniti menyediakan rangkaian komprehensif sokongan kesihatan mental yang disesuaikan untuk individu dari semua peringkat umur termasuk melalui penilaian psikologi, psikoterapi dan perkhidmatan rawatan yang direka untuk memenuhi pelbagai keperluan. Perkhidmatan ini juga termasuk usaha advokasi dengan sekolah, kerajaan dan perkhidmatan bukan kerajaan lain untuk menekankan kepentingan kesihatan mental. Orang ramai yang memerlukan bantuan khususnya perkhidmatan sokongan emosi boleh menghubungi Talian Harapan 145.

SUMBER : moh.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSAMA KITA REALISASIKAN NEGARA ZIKIR, NEGARA MENGINGATI ALLAH